Hibiscus sabdariffa L. (roselle; Malvaceae) has many traditional and potential uses as food, herbal drink, in hot or cold beverages, for flavouring and as a medicinal herb. In vitro and in vivo researches as well as several clinical trials had provided evidences that extracts of *H. sabdariffa* showed antibacterial, anti-oxidant, nephro- and hepato-protective, diuretic, lipid metabolism (anti-cholesterol), anti-diabetic and anti-hypertensive effects among others.

Research in FRIM had also demonstrated interesting pharmacological effects of *H. sabdariffa* on obesity with the presence of derivatives of caffeoylquinic acid in phytochemically characterised and well-designed standardised extract. Furthermore, comprehensive fingerprint protocol through botanical and chemical approaches had been developed for the purposes of authentication and verifcation of two types of *H. sabdariffa* which are locally grown as vegetables (asam paya), for making tea or cordial drink (roselle) or as an ornamental plant.

c. Technology Transfer through a Project on Planting Kacip Fatimah in Kampung Sagil, Tangkak, Johor

Planting of kacip fatimah herb through a grant from MOSTI Social Innovation (MSI) Programme has been carried out at Bukit Gambir, Ledang, Johor with the participation of members from Kampung Sagil Small Scale Businessman Association to improve income generation of villagers. A majority of villagers are rubber tree or oil palm farmers. This project is important when prices or productivity of commodities like rubber and palm oil drop. The project can improve the income of villagers that contributes to empowering national economy.

In addition, this project was initiated due to the high demand for kacip fatimah by herbal industry. Supply of raw materials from natural forest is not able to meet such demand as sources are depleting and quality of these sources is unknown. Thus, one such project is crucial in ensuring a sustainable supply of herbal raw material.

Melalui R&D, kumpulan penyelidik FRIM berjaya menghasilkan klon superior kacip fatimah yang mempunyai ciri pertumbuhan dan kandungan kimia aktif yang baik. FRIM juga mempunyai teknologi memperbanyak bahan tanaman superior ini melalui teknik kultur tisu menggunakan Sistem Rendaman Sementara (SRS). Projek MSI ini dijalankan oleh FRIM (pembekal teknologi) bersama-sama Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (MBDC) (sebagai match-maker), Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil, Tangkak, Johor (pelaksana projek) dan Bioalpha Holdings Berhad (syarikat pembeli) bagi memastikan bekalan bahan mentah yang mampan dan berkualiti tinggi.

Objektif projek ini adalah bagi merekayasakan hasil kajian FRIM untuk memberi faedah kepada rakyat melalui usaha perladangan bahan tanaman kacip fatimah yang berkualiti di samping dapat meningkatkan penyertaan isi rumah luar bandar dalam aktiviti keusahawanan berasaskan bioteknologi.

FRIM membekalkan baka kacip fatimah berkualiti tinggi daripada kaedah kultur tisu melalui MBDC kepada komuniti di Ledang. Mereka kemudiannya dilatih tentang kaedah menanam serta membiakkan bahan tanaman yang dibangunkan oleh FRIM iaitu penjagaan dan penanaman di ladang sehingga dapat dituai oleh penduduk kampung.

Projek ini dapat memulihara serta mengurangkan tekanan ekploitasi hutan asli untuk bahan mentah herba dengan kaedah domestikasi spesies ini secara perladangan serta memastikan pihak industri mendapat bekalan bahan mentah berkualiti lagi terjamin. Di samping itu, penduduk kampung mampu menjana pendapatan tambahan hingga RM22,500 setiap satu pusingan bagi penanaman seluas 1 ha. Produk berasaskan ekstrak kacip fatimah berkualiti dari Malaysia ini berpotensi menembusi pasaran antarabangsa dalam tempoh 2–3 tahun.

d. Projek Bank Germplasma Dipterokarpa Negara

Projek bermula pada tahun 2013 dengan cadangan penubuhan bank germplasma bagi melindungi dan seterusnya mengekalkan spesies pokok dan tumbuhan tempatan yang telah dikategorikan sebagai terancam. Projek Bank Germplasma Dipterokarpa Negara telah mendapat kelulusan kewangan daripada Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF), NRE. Bank Germplasma Dipterokarpa Negara menggunakan

R&D by a group of researchers in FRIM had successfully produced a superior clone of kacip fatimah with good growth characteristics and desirable active compounds. This superior clone had been propagated through a tissue culture technique using Temporary Immersion System (SETIS). This MSI project was jointly carried out by FRIM (as technology provider), Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (MBDC) (as match-maker), Kampung Sagil Entrepreneurs Association (executing party) and Bioalpha Holdings Berhad (buyer) to provide a sustainable source of high quality raw material.

This project aimed to enhance research findings of FRIM in order to benefit the nation through efforts in farming high quality kacip fatimah as well as to increase the involvement of rural communities in biotechnology-based entrepreneurship.

FRIM supplies kacip fatimah with high quality traits from tissue culture technique through MBDC to community in Ledang. The villagers were given trainings on planting technique and propagation of planting material that were developed by FRIM which included from caring and planting of kacip fatimah until harvesting

This project is able to conserve and reduce pressure from exploitation of natural forests for herbal raw materials by domestication of this species through farming to ensure a promising supply of high quality raw materials. Villagers also benefited from increased income up to RM22,500 per hectare in each harvest. Products containing high quality kacip fatimah extracts from Malaysia have the potential to be marketed internationally in 2–3 years.

d. National Dipterocarp Germplasm Bank Project

This project on establishment of a germplasm bank commenced in 2013 to protect and conserve threatened or endangered native plants. The National Dipterocarp Germplasm Bank Project had obtained financial approval from the National Conservation Trust Fund for Natural Resources (NCTF), NRE. This project employs the concept of *ex-situ* conservation through collection of species with priority for lowland dipterocarp species in the endangered to least concern categories.

konsep pemuliharaan secara ex-situ dengan keutamaan kepada spesies dipterokarpa tanah pamah yang terancam sehingga risiko rendah semasa kutipan.

Projek ini akan mengetengahkan fungsi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dalam pelaksanaan dasar, strategi dan program yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pengurusan sumber semula jadi. Pemuliharaan bahan tanaman secara ex situ dapat mengekalkan sumber genetik spesies dipterokarpa daripada pelbagai kategori status konservasi di kawasan yang selamat dan boleh digunakan pada masa hadapan selain penerokaan bidang baharu INSTUN yang berkaitan dengan pengurusan tanah sebagai Pusat Kecemerlangan Pengurusan dan Penggunaan Tanah. Projek ini juga boleh memberi nilai tambah sebagai tempat pelancongan edupelancongan dan ekopelancongan peringkat kementerian dan negeri Perak khususnya. Projek ini melibatkan kerjasama FRIM dengan agensi-agensi lain seperti KATS, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan INSTUN.

e. Spesies Baharu Lycopodiaceae dan Zingiberaceae di Semenanjung Malaysia

Semakan famili yang sedang dijalankan untuk *Flora of Peninsular Malaysia* dan fokus kepada eksplorasi botani oleh kumpulan *Flora of Peninsular Malaysia* telah menemui dan menghuraikan tiga spesies baharu yang menarik dari Semenanjung Malaysia. Spesies-spesies ini ialah *Phlegmariurus iminii* (sejenis epifit di atas pokok yang tumbuh di kawasan batu kapur) dan *P. monticola* (sejenis epifit di atas pokok yang tumbuh di kawasan pergunungan bawah hingga pergunungan atas) dalam famili Lycopodiaceae dan *Scaphochlamys disticha* (sejenis tumbuhan herba yang tumbuh di kawasan hutan tanah pamah dipterokarpa) dalam famili Zingiberaceae. Kesemua spesies baharu ini endemik kepada Semenanjung Malaysia.

f. Ekologi, Populasi dan Pengurusan Anai-anai Perosak Pokok Ru di Pesisiran Pantai Semenanjung Malaysia

Pokok ru membantu menstabilkan pesisiran pantai berpasir sebagai pemecah angin, pengurangan hakisan pantai dan penstabilan tanah di samping mengindahkan dan mewujudkan kawasan pantai yang teduh. Pokok ru yang ditanam secara meluas dengan kaedah perladangan kadangkala menghadapi masalah kemerosotan kesihatan yang disebabkan pelbagai faktor biotik dan abiotik. Satu daripada anai-anai perosak yang berkepentingan ekonomi, *Coptotermes gestroi*, menyerang pokok-pokok ru di Pantai Senok, Kelantan.

The project will demonstrate the role of KATS in executing policies, strategies and programmes related to conservation and management of natural resrouces. *Ex-situ* conservation of plants will sustain the genetic sources of dipterocarp species, under all conservation status, in a safe area at National Institute of Land and Survey (INSTUN) for future plans. This project is in addition to the role of INSTUN as Center of Excellent Management and Land Use. The project involving FRIM and other agencies including KATS, INSTUN and Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) can also be used as an edu-tourism or eco-tourism site for the ministry and state of Perak.

e. New Species of Lycopodiaceae and Zingiberaceae in Peninsular Malaysia

On-going revision of the Lycopodiaceae family for Flora of Peninsular Malaysia and focus of botanical exploration by Flora of Peninsular Malaysia team found and described three new interesting species. These species were *Phlegmariurus iminii* (an epiphyte on trees growing in limestone area), *P. monticola* (an epiphyte on trees growing in lower to upper montane forest) and *Scaphochlamys disticha* (a herbaceous plant growing in lowland dipterocarp forest) from Zingiberaceae family. All these new species are endemic to Peninsular Malaysia.

f. Ecology, Population and Management of Termites Attacking Casuarina Trees along Coastal Areas of Peninsular Malaysia

Casuarina helps to stabilise sandy beaches as windbreaker, reduces coastal erosion and stabilises soil besides beautifying and creating a shady beach area. Large scale planting of casuarinas in plantation can cause deterioration of tree health due to biotic and abiotic factors. One of the termites with economical importance is *Coptotermes gestroi* that attacks casuarina trees at Pantai Senok, Kelantan.

Petak kajian rawatan menggunakan teknik pengumpanan julung-julung kali diaplikasikan terhadap pokok-pokok hidup di pesisiran pantai. Umpan ini diletakkan pada batang pokok yang mempunyai galeri *C. gestroi* aktif. Perubahan populasi anai-anai ini dipantau melalui stesen umpan kayu getah yang ditanam di pangkal pokok.

Penerbitan buku panduan/manual *Ekologi, Populasi dan Pengurusan Anai-anai Perosak Pokok Ru di Pesisiran Pantai Semenanjung Malaysia* bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tentang biologi dan ekologi anai-anai di pesisir pantai serta pengurusannya. Dengan adanya pengetahuan ini, serangan anai-anai perosak boleh dikesan awal melalui pemantauan kesihatan pokok secara berkala serta rawatan bersesuaian.

g. Pengesanan Kepekaan Ultra Sensitif Gas Formaldehid yang Dibebaskan daripada Produk Komposit Kayu

FRIM dengan kerjasama Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) berjaya membangunkan kaedah untuk mengesan gas formaldehid menggunakan makmal mudah alih pada cip nanosensor dengan kepekaan ultra (had pengesanan=0.1ppm), kebolehulangan dan kebolehulangan (Sisihan Piawai Relatif (RSD)=kurang daripada 20%), julat kepekatan dinamik gas formaldehid (0.1–100 ppm), masa pengesanan (60 saat) dan tiada gangguan daripada matriks sampel dan gas-gas lain. Berat sensor yang difabrikasi adalah sekitar 500 g.

Sensor yang dibangunkan ini tidak hanya berguna untuk mengesan kepekatan gas formaldehid tetapi juga boleh diubah suai untuk mengesan gas berbahaya yang lain. Impak projek ini ialah penawaran teknologi pengesanan gas untuk kegunaan komersial seperti industri biokomposit dan resin. Untuk kelestarian alam sekitar, inovasi ini dapat membantu mengurangkan kesan pencemaran kepada alam sekitar kerana bebas daripada bahan kimia berbahaya dan hanya sedikit sampel diperlukan untuk ujian.

A treatment research plot using baiting technique was applied for the first time on surviving trees along the coast. The bait was placed on tree stem with active *C. gestroi* gallery. The changes in population of the termites were monitored through a rubberwood bait station placed at the base of the tree.

The book on Ecology, Population and Management of Termites Attacking Casuarina Trees along Coastal Areas of Peninsular Malaysia aims to improve knowledge on the biology and ecology of termites on coastal areas and their management. With this knowledge, attacks of termites can be detected at an early stage through scheduled observation on tree health and appropriate treatment can then be administered.

g. Ultra Sensitive Detection of Formaldehyde Gas Emitted by Composite Wood Product

FRIM, in collaboration with Institute of Nano Electronic Engineering of University Malaysia of Perlis succeeded in developing a method to detect formaldehyde gas using a portable lab on nanosensor chip with ultra ** (detection limit = 0.1ppm), repeatability (relative standard deviation = below 20%), dynamic concentration range of formaldehyde gas (0.1–100 ppm), detection time (60 seconds) and without disturbance from sample matrix and other gases. The fabricated sensor is about 500 g.

The sensor can be used not only for detecting formaldehyde gas but can also be modified to detect other dangerous gases. This project will make the technology on gas detection available for commercial use in biocomposite and resin industries among others. This environmentally friendly innovation uses only a small amount of sample for testing and is free from dangerous chemicals.

h. Potensi Cuka Asid Bakau sebagai Racun Serangga Mesra Alam

Kajian terhadap sisa daripada industri arang kayu bakau telah dimulakan di FRIM bagi membangunkan produk baharu bernilai tambah. Satu daripada sisa industri arang bakau yang dikaji ialah potensi cuka asid bakau sebagai racun serangga mesra alam. Cuka asid bakau merupakan hasil sampingan daripada proses pembakaran tertutup kayu bakau untuk dijadikan arang. Ia diperoleh selepas penyejukan wap yang terhasil daripada proses pembakaran tertutup tersebut.

Cuka asid bakau mengandungi tujuh komposisi kimia utama yang terdiri daripada asid asetik, keton, aldehid, ester, alkohol, benzen dan fenol. Kehadiran asid asetik yang tinggi berbanding komposisi kimia yang lain menyebabkan nilai pH cuka asid berada di sekitar 2.4–2.6. Cuka asid bakau juga mengandungi 14 elemen kimia iaitu nitrogen, karbon, fosforus, potasium, kalsium, magnesium, kuprum, selenium, zink, natrium, manganes, ferum, sulfur dan boron. Kehadiran komposisi dan elemen kimia tersebut menjadikan cuka asid bakau boleh berfungsi sebagai racun serangga mesra alam serta mikro nutrien kepada tanaman.

i. Pembangunan Nanokomposit Hijau Berkekuatan Tinggi Diperkukuh dengan Selulosa Nanokristal dan Polimer Resin Epoksi

Fokus FRIM ialah menjalankan penyelidikan terhadap bahan nanoselulosa. Teknologi penyelidikan ini dipertingkatkan lagi mulai tahun 2007 yang mana kajian penguraian selulosa kepada nano hablur dan nano fibril selulosa telah dilaksanakan. FRIM berupaya menghasilkan bahan-bahan ini. Maka usaha untuk mempromosikan penggunaan bahan ini dalam industri berasaskan keluaran hutan telah dipergiat. Oleh itu, antara bidang yang dikenal pasti mempunyai potensi penggunaan bahan nanoselulosa adalah dalam penghasilan produk biokomposit. Justeru, kajian ini telah dijalankan dengan mengaplikasikan penggunaan bahan nanohablur selulosa yang dimodifikasi dengan polimer resin epoksi bagi menghasilkan produk nanokomposit berkekuatan tinggi.

h. Potential of Mangrove Vinegar as an Environmentally Friendly Insecticide

In FRIM, research on wastes from mangrove charcoal industry had started to develop new value-added products. One of the wastes from mangrove charcoal industry studied was mangrove vinegar as an environmentally friendly insecticide. Mangrove vinegar is a by-product from burning of mangrove wood in a sealed kiln for making charcoal. It is obtained when vapour, produced from the burning, is cooled.

Mangrove vinegar contains seven main chemical constituents comprising acetic acid, ketone, aldehyde, ester, alchohol, benzene and phenol. High amount of acetic acid present compared to other chemical constituents resulted in pH of around 2.4–2.6 in the mangrove vinegar. The vinegar contains 14 elements namely nitrogen, carbon, phosphorus, potassium, calcium, magnesium, copper, selenium, zinc, sodium, manganese, iron, sulphur and boron. The presence of these constituents and elements allowed mangrove vinegar to act as an environmentally friendly insecticide and at the same time provides micro nutrients for plants.

i. Development of High Strength Green Nanocomposite Reinforced with Nanocrystaline Cellulose and Epoxy Resin Polymer

FRIM also conducts studies on nanocellulose materials. Research in this technology has been improved since 2007 where a study on decomposition of cellulose to nanocrystal and cellulose nanofibril was carried out and the materials were successfully produced. Therefore, efforts to promote the utilisation of these materials in forest produce-based industries have been intensified. One of the fields with potential of utilising nanocellulose material identified is in manufacturing of biocomposites. As such, a study was conducted on application of nanocrystalline cellulose material modified with epoxy resin polymer to produce high strength nanocomposite.

Kajian ini dijalankan oleh FRIM bersama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Plus Intervest Sdn Bhd (pengilang papan lapis). Kajian ini berjaya menghasilkan produk nanokomposit mesra alam daripada venir kayu kembang semangkuk dengan saiz ultranipis yang berketebalan kurang daripada 0.3 mm menggunakan bahan perekatan campuran nanohablur selulosa yang terubah suai dengan polimer resin epoksi.

Kaedah baharu ini berbeza dengan kaedah konvensional yang menggunakan resin berasaskan formaldehid yang mana tiada pembebasan gas formaldehid berbahaya daripada produk nanokomposit yang dihasilkan. Kekuatan mekanik bahan nanokomposit telah dipertingkatkan sebanyak 24% dibandingkan dengan bahan biokomposit tanpa nanohablur selulosa. Impak hasil kajian ini merupakan demonstrasi aplikasi penggunaan bahan berasaskan nanoselulosa yang boleh dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan dalam bidang keluaran hutan terutama bagi penghasilan produk bernilai tambah.

vi) PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Modal insan merupakan aset sesebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Justeru, FRIM terus memperkasakan modal insannya dengan menggalakkan penjawat awam melanjutkan pengajian hingga ke peringkat tertinggi di universiti di dalam dan di luar negara. Pada 2018, seramai enam orang pegawai berjaya menamatkan Ijazah Kedoktoran (PhD), dan enam orang mendapat Ijazah Sarjana (MSc.).

vii) KHIDMAT PERUNDINGAN DAN KOMERSIALISASI

Kepakaran FRIM terus diiktiraf oleh agensi luar dan dalam negara menerusi pelbagai khidmat perundingan. Daripada 31 projek khidmat perundingan bernilai RM1.75 juta yang ditawarkan pada 2018, 10 khidmat perundingan bernilai melebihi RM50,000. Khidmat kepakaran FRIM yang dijalankan menerusi perundingan ikhtisas, antaranya ialah Cadangan Perkhidmatan Penanaman Pokok-pokok Landskap Hutan dan Berkaitan yang sesuai di Kawasan Muzium Sultan Abu Bakar; Rancangan Pengurusan dan Kajian Analisis Kos dan Faedah Projek Ladang Hutan di Hutan Simpan Lepar, Mukim Lepar dan Penyor, Pekan, Pahang; Cadangan Pengindahan

This study was jointly carried out by FRIM, National University of Malaysia and Plus Intervest Sdn Bhd (a plywood manufacturer). This partnership successfully produced environmentally friendly nanocomposite material from *kembang semangkuk* wood veneer with ultrathin size of less than 0.3 mm in thickness using a mixed adhesive material of nanocrystalline cellulose modified with epoxy resin polymer.

This new method is different from the conventional method that uses formaldehyde-based resin whereby no harmful formaldehyde gas is emitted from the nanocomposite product produced. Mechanical strength of the nanocomposite was improved by 24% compared to biocomposite material without nanocrystalline cellulose. The improved method is expected to benefit stakeholders in the field of forest produce particularly in the production of value-added products through application of nanocellulose-based materials.

vi) HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

Human resource is an asset that directly contributes to the success of any organisation. Therefore, FRIM continues to empower human resource by encouraging staff to pursue further studies locally or overseas. In 2018, six officers successfully completed their degree in Doctor of Philosophy (PhD) and six others in their Masters (MSc) degree.

vii) CONSULTANCY AND COMMERCIALISATION

Expertise in FRIM has been recognised by local and international agencies through various consultancy services. 31 consultancy projects amounting to RM1.75 million were offered in 2018 of which 10 worth over RM50,000 each. Among these projects were *Cadangan Perkhidmatan Penanaman Pokok-pokok Landskap Hutan dan Berkaitan yang Sesuai di Kawasan Muzium Sultan Abu Bakar; Rancangan Pengurusan dan Kajian Analisis Kos dan Faedah Projek Ladang Hutan di Hutan Simpan Lepar, Mukim Lepar dan Penyor, Pekan, Pahang; Cadangan Pengindahan Landskap untuk 52 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat, Bandar Kinrara;* EIA for Genting Permai Mixed Development in Bentong, Pahang; *Penyelenggaraan*

Landskap untuk 52 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat, Bandar Kinrara; EIA for Genting Permai Mixed Development in Bentong, Pahang; Penyelenggaraan Pokok dan Tanaman Landskap termasuk Kawasan Wall Plants, Linear Park, Taman Permainan dan Water Fountain Bandar Kinrara Puchong, Selangor; Penilaian Perkhidmatan Ekosistem Hutan dan Kebergantungan Komuniti terhadap Hutan Simpan Ampang dan Hutan Simpan Hulu Langat, Selangor serta Perkhidmatan Establishment of Model of Ornamental Forest for the Corepark, Universiti Teknologi Petronas.

Aktiviti komersialisasi menyaksikan FRIM telah menandatangani dua pelesenan teknologi dengan FRIM Incorporated Sdn Bhd bagi Ekstrak dan Formulasi Produk Tongkat Ali [*Eurycoma longifolia* dan Rozel (*Hibiscus sabdariffa*)] serta *contract manufacturing* bagi kedua-dua herba.

FRIM juga telah membuat tiga pemfailan paten pada 2018 iaitu bagi "An Anti-Ovarian Cancer Composition" dan "An Antihypertrophic Compound for Cardiomyocite Cells," kedua-duanya oleh Dr Nurhanan Murni Yunos, serta "A Method of Drying Hardwoods" oleh Zairul Amin Rabidin.

FRIM mendaftarkan 31 pendedahan reka cipta bagi hasil penyelidikannya pada 2018 berbanding 22 pada 2017. Tiga teknologi baharu atau teknologi sedia ada yang ditambah baik bagi keperluan industri telah dihasilkan. Teknologi tersebut termasuklah peningkathasilan bahan mentah tongkat ali melalui teknologi kultur akar rerambut, peningkathasilan bahan aktif daripada basidiomiset bagi kemampanan bahan mentah ke arah penghasilan produk antibakteria (MRSA) serta penubuhan petak pengeluaran untuk spesies cucur atap bagi penghasilan bahan mentah berkualiti.

viii) PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Dalam usahanya menyebarkan hasil-hasil R&D kepada pihak yang berkepentingan termasuklah pihak industri dan orang awam, FRIM telah menganjurkan sejumlah 69 bengkel/dialog/seminar/persidangan/ latihan termasuklah beberapa siri bengkel kesedaran pengetahuan tradisi bagi beberapa subetnik Orang Asli. Program pemindahan teknologi yang telah dijalankan sepanjang 2018, antaranya ialah:

Pokok dan Tanaman Landskap termasuk Kawasan Wall Plants, Linear Park, Taman Permainan dan Water Fountain Bandar Kinrara Puchong, Selangor; Penilaian Perkhidmatan Ekosistem Hutan dan Kebergantungan Komuniti terhadap Hutan Simpan Ampang dan Hutan Simpan Hulu Langat, Selangor and Service on the Establishment of Model of Ornamental Forest for the Corepark, Universiti Teknologi Petronas.

In view of commercialisation efforts, two technology licensing were signed with FRIM Inc. for Extract and Formulation of Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) and Roselle (*Hibiscus sabdariffa*) Products and, contract manufacturing for both herbs.

FRIM also filed three patents namely "An Anti-Ovarian Cancer Composition" and "An Antihypertrophic Compound for Cardiomyocite Cells," both by Dr Nurhanan Murni Yunos, as well as "A Method of Drying Hardwoods" by Zairul Amin Rabidin.

FRIM registered 31 invention disclosures from R&D activities in 2018 compared to 22 in 2017. Three new technology or improved existing technologies were produced. These included increased production of tongkat ali raw material through hairy root culture technology, increased production of active compound from basidiomycete for sustainable supply of raw material towards production of antibacterial products (MRSA) and establishment of *Baeckea frutescens* plots for production of high quality raw material.

viii) TECHNOLOGY TRANSFER

In an effort to share outputs of R&D to stakeholders, FRIM organised a total of 69 workshops/ dialogues/ seminars/ conferences and trainings including several series or awareness workshop on traditional knowledge for a few subethnic indigenous people. Among the technology transfer programmes carried out in 2018 were:

a. Program Bicara Teknologi MyWood-ID

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan Program Bicara Teknologi MyWood-ID pada 15 Mei 2018 di FRIM, Kepong untuk memberi penerangan yang lebih jelas tentang penggunaan aplikasi tersebut. Program ini dihadiri oleh 36 orang wakil daripada 17 agensi kerajaan yang memerlukan kemahiran pengecaman kayu dalam tugasan seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan jabatan-jabatan perhutanan negeri lain.

Diharapkan agar teknologi Aplikasi MyWood-ID ini akan dapat membantu pihak berkuasa, pihak industri perkayuan serta orang awam dalam pengecaman kayu dengan cepat dan tepat; serta membantu memperkasakan ekonomi negara dan meletakkan Malaysia antara negara yang berjaya menghasilkan teknologi terkini dalam sektor perkayuan. Aplikasi MyWood-ID yang menggunakan telefon pintar iPhone dan lensa khas ini telah dibangunkan oleh FRIM dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

b. Bengkel Eksplorasi Herba di Hujung Jari yang bertemakan, "Memperluas Jaringan Industri dan Peluang Perniagaan"

FRIM telah menganjurkan Bengkel Eksplorasi Herba di Hujung Jari yang bertemakan, "Memperluas Jaringan Industri dan Peluang Perniagaan" pada 29 Ogos 2018 di FRIM, Kepong. Tujuan program adalah untuk mempromosikan aplikasi mudah alih HerbaXpress serta mendapatkan maklum balas peserta. Aplikasi tersebut merupakan portal yang menghubungkan pemain-pemain industri herba supaya pencapaian maklumat berkaitan industri tersebut dapat diperoleh dengan lebih mudah dan cepat. Seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja FRIM, wakil industri herba dan agensi kerajaan telah menghadiri bengkel tersebut.

a. MyWood-ID Technology Talk Programme

MyWood-ID Technology Talk Programme was held on 15 May 2018 in FRIM to provide information on the use of this application. It was attended by 36 representatives from 17 government agencies who needed knowledge on wood identification in performing their duties for example Malaysian Timber Industry Board (MTIB), Royal Malaysian Customs Department, FDPM and state forestry departments.

MyWood-ID Application was developed by FRIM in collaboration with Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). It uses iPhone and a special lense. It is hoped that this application will help relevant enforcing authorities, wood industry and the public in identifying wood quickly and accurately. Development of this application will also place Malaysia among countries that excel in technology of wood industry.

b. Workshop on Herbal Exploration at Fingertips themed "Enlarging Industrial Networking and Business Opportunities"

FRIM organised Workshop on Herbal Exploration at Fingertips themed "Enlarging Industrial Networking and Business Opportunities" on 29 August 2018 in FRIM, Kepong. The programme aimed at promoting HerbaXpress application and obtaining feedbacks from participants. The application serves as a portal to connect herbal industry players so that access information on the industry can be obtained easily and quickly. A total of 41 participants comprising FRIM staff, representatives from the herbal industry and government agencies attended the workshop.

c. Seminar Rafflesia di Malaysia 2018 bertemakan "Status Penyelidikan Rafflesia: Satu Perspektif"/ 2018

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan Seminar Rafflesia di Malaysia 2018 yang bertemakan 'Status Penyelidikan Rafflesia: Satu Perspektif' di FRIM, Kepong pada 13 November 2018. Seminar yang julung-julung kali dianjurkan ini bertujuan berkongsi maklumat penyelidikan dan pembangunan (R&D), penemuan saintifik, teknologi serta pemuliharaan mengenai Rafflesia di Malaysia. Seminar ini merupaka anjuran bersama FRIM, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

Pusat Pemuliharaan dan Interpretif Rafflesia (PPIR) di kawasan FELDA Bersia Timur yang ditubuhkan bersama oleh FRIM, FGV dan FELDA dijangka disiapkan pada 2020. Ia merupakan pusat pertama di Semenanjung Malaysia yang dibangunkan untuk penyelidikan, pendidikan alam sekitar dan konservasi (in-situ dan ex-situ) Rafflesia serta berperanan memacu ekonomi setempat. Projek ini memberi fokus kepada usaha pemerkasaan industri pelancongan dengan penglibatan masyarakat Orang Asli serta mempromosikan Gerik sebagai tarikan ekopelancongan.

d. Usaha Mencapai Status Tapak Warisan Dunia (WHS) UNESCO

Pengumuman belanjawan dan sokongan kerajaan baharu mendorong FRIM meningkatkan usahanya ke arah mencapai status Tapak Warisan Dunia (WHS) UNESCO. Belanjawan yang dibentangkan mencerminkan kesungguhan kerajaan kita dalam memulihara hutan negara serta menunjukkan sokongan terhadap usaha FRIM untuk mencapai status WHS UNESCO menjelang tahun 2020. FRIM telah memulakan usaha ini sejak 2008 lagi dan menubuhkan satu pasukan untuk berusaha mencapai hasrat ini dengan sokongan Kerajaan Selangor dan Jabatan Warisan Negara (JWN). FRIM juga sedang menyediakan Dossier Lengkap bagi WHS UNESCO Paris untuk penghantaran pada 2019 dan seterusnya, proses penilaian tapak akan dibuat oleh pertubuhan International Council on Monuments and Sites (ICOMOS). FRIM juga sedang merangka rancangan pengurusan untuk memastikan kemampanan dan pemuliharaan kampus hijau serta komuniti setempat.

c. 2018 Rafflesia Seminar in Malaysia themed "Status of Rafflesia Research: A Perspective"

FRIM organised the 2018 Rafflesia Seminar in Malaysia themed "Status of Rafflesia Research: A Perspective" on 13 November 2018. The seminar was organised for the first time to share R&D information, scientific findings, technology and conservation on Rafflesia in Malaysia. It was co-organised by FRIM, FELDA and Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

Rafflesia Conservation and Interpretive Center in FELDA Bersia Timur is established by FRIM, FGV and FELDA and, is expected to be completed by 2020. It will be the first center in Peninsular Malaysia established for research, environmental education and conservation (*in-situ* and *ex-situ*) of Rafflesia as well as to enhance local economy. This project focuses on expanding tourism industry with involvement of indigenous people while promoting Gerik as an ecotourism attraction.

d. Towards Achieving World Heritage Site (WHS) UNESCO

Announcement of budget and support from the new government have driven FRIM to intensify efforts towards achieving UNESCO World Heritage Status (WHS). The budget tabled reflected on the commitment of our government in forest conservation and the support towards FRIM to achieve UNESCO WHS by 2020. The effort by FRIM has started since 2008 with the forming of a team with support from Selangor State and Natural Heritage Department. FRIM is currently preparing a complete nomination dossier for UNESCO WHS Paris for submission in 2019. Subsequently, site evaluation process will be conducted by International Council on Monuments and Sites (ICOMOS). FRIM is also designing management plan to ascertain the sustainability and conservation of a green campus and local community.

FRIM mula melaksanakan Projek WHS UNESCO pada 2013. FRIM telah menganjurkan Persidangan Tapak Warisan Negeri Selangor 2018 pada 14–15 November 2018 dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor serta JWN. Persidangan ini bertujuan untuk berkongsi penemuan saintifik yang berkaitan dengan nilai sejagat cemerlang bagi FRIM serta Permatang Kuarza Gombak Selangor. FRIM, Permatang Kuarza Gombak Selangor dan Taman Negeri Royal Belum di Gerik, Perak telah diterima dalam senarai pencalonan WHS UNESCO pada 2017.

ix) PENERBITAN

Setiap tahun, FRIM menghasilkan pelbagai siri penerbitan dalam usaha menyebarluaskan hasil dan maklumat R&D-nya kepada pihak awam serta berkepentingan. Pada 2018, antara lain, FRIM telah menerbitkan sebanyak empat jilid *Journal of Tropical Forest Science*, empat keluaran surat berita—FRIM in Focus; tujuh makalah dalam *Timber Technology Bulletin*; pelbagai laporan institusi, empat judul di bawah siri *FRIM Research Pamphlet* dan *Laporan Tahunan FRIM 2017*. FRIM juga telah menerbitkan beberapa judul buku mesra ilmu termasuklah *Setiu New Forest: A Gift from Nature, Pictorial Guide to the Flora of Tasik Chini* dan *Cantik Namun Beracun.*

Sebanyak 21 daripada 79 makalah hasil penulisan saintis FRIM telah diterbitkan dalam jurnal berfaktor impak; manakala 114 kertas saintifik dan teknikal telah dibentangkan oleh para saintis FRIM di persidangan, seminar, simposium, bengkel serta mesyuarat dan kursus-kursus di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. FRIM turut menyebarkan maklumat-maklumat R, D & C melalui media sosial termasuk laman antara muka (Facebook) rasmi FRIM.

x) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

FRIM turut melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan dan penjagaan alam sekitar dalam kalangan komuniti setempat, orang awam mahupun badan-badan korporat. Program menanam pokok ialah aktiviti CSR yang paling popular di FRIM. Pada 2018, sebanyak 29 agensi/organisasi/ badan korporat terlibat dengan aktiviti CSR FRIM, termasuklah penanaman pokok oleh KLCC, *International Association of Professional Congress Organisers* (IAPCO) dan *Malaysia Building Society Berhad*. FRIM turut menjalankan aktiviti gotong-royong yang melibatkan agensi luar seperti KPJ Healthcare Berhad dan OMRON Electronics Sdn Bhd.

FRIM started the UNESCO WHS project since 2013. Selangor Heritage Sites Conference 2018 held on 14–15 November 2018 was co-organised by FRIM, Natural Heritage Department and the Selangor Town and Country Planning Department. The conference was organised to share scientific findings related to outstanding universal values for FRIM and Gombak Selangor Quartz Ridge. FRIM, Gombak Selangor Quartz Ridge and Royal Belum in Gerik, Perak were accepted for UNESCO WHS nomination in 2017.

ix) PUBLICATIONS

Each year, FRIM produces various publication series to disseminate R&D findings and information to stakeholders and to the general public. In 2018, FRIM had published, among others, four volumes of Journal of Tropical Forest Science; four issues of newsletter —FRIM in Focus; seven issues of Timber Technology Bulletin; various institutional reports, four titles under FRIM Research Pamphlet and FRIM Annual Report 2017. FRIM also published several coffee table books including Setiu New Forest: A Gift from Nature, Pictorial Guide to the Flora of Tasik Chini and *Cantik Namun Beracun.*

21 out of 79 articles by FRIM researchers were published in journals with impact factor while 114 scientific and technical papers were presented at national and international conferences, seminars, symposiums, workshops, meetings and trainings. FRIM also disseminated R, D & C information through social media including FRIM official Facebook page.

x) CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

FRIM also organised corporate social responsibility (CSR) activities to create awareness on the importance of protecting the environment among local communities, the general public as well as corporate bodies. Tree planting programme was the most popular programme in FRIM. In 2018, 28 agencies/ organisations/ corporate bodies took part in FRIM CSR activities including tree planting at KLCC, International Association of Professional Congress Organisers (IAPCO) and Malaysia Building Society Berhad. FRIM also carried out *gotong-royong* involving other agencies like KPJ Healthcare Berhad and OMRON Electronics Sdn Bhd.

xi) MAKALAH DALAM MEDIA

Pelbagai aktiviti berkaitan R&D dan CSR FRIM mendapat liputan meluas daripada media elektronik dan media cetak. Sehingga September 2018, sebanyak 122 makalah berkenaan R&D FRIM telah disiarkan oleh media termasuk di Sabah dan Sarawak dengan nilai perhubungan awam (PR value) berjumlah RM21.4 juta berbanding dengan RM7.6 juta pada 2017.

xii) PELAWAT

FRIM sentiasa menerima kunjungan pelawat dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuklah orang kenamaan, saintis, pelajar sekolah dan universiti serta orang awam dari dalam dan luar negara. Pada 2018, FRIM menerima kunjungan kira-kira 413 635 orang pelawat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada 2018 aktiviti-aktiviti utama FRIM yang merangkumi penjanaan output dan keberhasilan berkualiti daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan, penghasilan dan komersialisasi produk serta teknologi, pelaksanaan khidmat perundingan dan pemindahan teknologi, pembangunan sumber manusia serta penghasilan bahan penerbitan FRIM telah mencapai prestasi yang memberangsangkan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi pencapaian pelbagai anugerah dan pengiktirafan. Aktiviti CSR yang meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar serta inisiatif berkongsi maklumat dan kejayaan FRIM dengan pihak awam melalui media elektronik dan media cetak turut menyumbang kepada prestasi utama FRIM bagi 2018. Pencapaian objektif FRIM dan penghasilan output utama pada 2018 adalah seiring dengan sasaran serta aspirasi yang ditetapkan.

xi) ARTICLES IN MEDIA

Various FRIM R&D and CSR activities obtained wide coverage from electronic and print media. Until September 2018, a total of 122 articles on FRIM R&D were featured by media including in Sabah and Sarawak with PR value amounting to RM21.4 million compared to RM7.6 million in 2017.

xii) VISITORS

Visitors of FRIM from both public and private agencies included influential people, scientists, students and the general public from local and overseas. In 2018, there were 413 635 visitors to FRIM.

CONCLUSION

In conclusion, FRIM had attained encouraging successes this year which included generating important outputs from R&D activities, producing and commercialisation of products and technologies, conducting consultancy services and technology transfer, developing human resource as well as publishing research findings. These were evident through various awards and recognitions received. CSR activities further increased awareness on the importance of environment. Moreover, initiatives to share information and achievements of FRIM with the public through media also contributed to the many successes of FRIM in 2018. The accomplishment of FRIM objectives in 2018 was therefore in line with the targets and aspirations set.

DATO' DR ABD. LATIF MOHMOD
DIMP, JSM, KMN, AMN
Ketua Pengarah/Director General
FRIM

CARTA ORGANISASI FRIM 2018
FRIM ORGANISATION CHART


KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
MINISTRY OF WATER, LAND AND NATURAL RESOURCES
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
FOREST RESEARCH INSTITUTE MALAYSIA
FRIM INCORPORATED SDN BHD
KETUA PENGARAH FRIM
DIRECTOR GENERAL FRIM
(YBHG. DATO' DR ABD LATIF MOHMOD)
UNIT AUDIT DALAM
INTERNAL AUDIT UNIT
(Pn Ilyani Mazlan)
UNIT UNDANG-UNDANG
LEGAL AFFAIRS UNIT
(Pn Nor Azura Ahmad Murad)
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
(Pn Toh An Nee)
PENGURUSAN KUALITI
QUALITY MANAGEMENT
(Dr Sharmiza Adnan)
UNIT INTEGRITI
INTERGRITY UNIT
(En Mohd Asmawee Ismail)
PERKHIDMATAN PERSIJILAN PRODUK
PRODUCT CERTIFICATION SERVICES
(Datin Salamah Selamat)
PROJEK FLAGSHIP KOMERSIALISASI
COMMERCIALISATION OF FLAGSHIP PROJECT
(Dr Woon Weng Chuen)
OPERASI DAN URUSAN KORPORAT
OPERATIONAL AND CORPORATE AFFAIRS
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL (OPERATION)
(DR KHALI AZIZ HAMZAH)
BAHAGIAN PERANCANGAN PENYELIDIKAN
RESEARCH PLANNING DIVISION
(Dr Hj. Nur Supardi Md. Noor)
BAHAGIAN PENTADBIRAN
ADMINISTRATION DIVISION
(Pn Liza Ismail)
BAHAGIAN INOVASI & KOMERSIALISASI
INNOVATION & COMMERSIALISATION DIVISION
(Pn Norhayati Nordin)
BAHAGIAN KEWANGAN
FINANCE DIVISION
(En Mohd Zamshari Abdul Rahman)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
HUMAN RESOURCE DIVISION
(En Basir Malan Ab. Rahman)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL
TECHNICAL SERVICES DIVISION
(Pn Norhayati Nordin)
CAWANGAN
PROGRAM
DASAR & PERANCANGAN PENYELIDIKAN
POLICY AND RESEARCH PLANNING
(Dr Mohd Rosli Haron)
EKONOMI & ANALISA STRATEGIK
ECONOMIC & STRATEGIC ANALYSIS
(Pn Rohana Abd Rahman)
PERHUTANAN SOSIAL
SOCIAL FORESTRY
(En Mohd Parid Mamat)
FRIM WHS
(Cik Noorsiha Ayop)
CAWANGAN
PENTADBIRAN AM
GENERAL ADMINISTRATION
(Pn Liza Ismail)
PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN
DEVELOPMENT AND MAINTENANCE
(En Sharifudden Samin)
PEROLEHAN
PROCUREMENT
(En Noorsuhanis Abdul Latif)
CAWANGAN
INKUBASI & KOMERSIALISASI (ICP)
INCUBATION & COMMERCIALISATION
(Dr Fadhilah Zainudin)
PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN
EXPANSION SERVICES
CAWANGAN
KEWANGAN & AKAUN
FINANCE AND ACCOUNTS
(Pn Jumaaton Abu Bakar)
PENGURUSAN ASET
ASSET MANAGEMENT
(Pn Saizatul Maheran Ramle)
KAWAL SELIA ANAK SYARIKAT
REGULATE SUBSIDIARY
(En Mohd Zamshari Abdul Rahman)
CAWANGAN
PERJAWATAN
ESTABLISHMENT
(En Mohd Asmawee Ismail)
PERKHIDMATAN (O) & HRMIS
SERVICES (O) & HRMIS
(Pn Azuarni Abd Adzis)
LATIHAN
TRAINING
(En Zamri Mohd Zangi)
CAWANGAN
PENERBITAN
PUBLICATION
(En Mohamad Zaki Mohd Isa)
TEKNOLOGI MAKLUMAT
INFORMATION TECHNOLOGY
(En Wan Zahiri Wan Yaacob)
PERPUSTAKAAN
LIBRARY
(Pn Mastura Buang)

Dato' Dr Hj. Abd. Latif Mohmod

Dr Ismail Harun

Dr Hj. Samsudin Musa

Dr Hj. Khali Aziz Hamzah

Dato' Dr Hjh Marzalina Mansor

Dr Gan Kee Seng

Dr Hj. Nur Supardi Md. Noor

Pengurusan Tertinggi
Top Management

Ketua Pengarah
Director General
DATO' DR HJ. ABD. LATIF MOHMOD
DIMP, JSM, KMN, AMN

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)
Deputy Director General (Research and Development)
DR ISMAIL HARUN
AMK
(hingga/until 4/9/2018)

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)
Deputy Director General (Research and Development)
DR HJ. SAMSUDIN MUSA
([memangku] mulai/from 5/9/2018)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Deputy Director General (Operational)
DR HJ. KHALI AZIZ HAMZAH

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar
Director Forestry and Environment Division
DR HJ. SAMSUDIN MUSA
(hingga/until 4/9/2018)
DR ISMAIL HJ PARLAN
([memangku] mulai/from 5/9/2018)

Pengarah Bahagian Bioteknologi Perhutanan
Director Forestry Biotechnology Division
DATO' DR HJH MARZALINA MANSOR
DIMP

Pengarah Bahagian Kewangan
Director Finance Division
TUAN HJ MOHD. ZAMSHARI ABD. RAHMAN

Dr Lillian Chua Swee Lian

Dr Hjh. Nor Azah Mohamad Ali

Tuan Hj Mohd. Zamshari Abd. Rahman

Encik/Mr Basir Malan Ab. Rahman

Dr Ismail Hj Parlan

Puan/Mdm Hjh Norhayati Nordin

Puan/Mdm Liza Ismail

Pengarah Bahagian Sumber Manusia
Director Human Resource Division
ENCIK/MR BASIR MALAN AB. RAHMAN
AMP, AMN

Pengarah Bahagian Keluaran Hutan
Director Forest Products Division
DR GAN KEE SENG
AMN

Pengarah Bahagian Perancangan Penyelidikan
Director Research Planning Division
DR HJ. NUR SUPARDI MD. NOOR
AMK
(hingga/until 5/12/2018)

Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan
Director Forest Biodiversity Division
DR LILLIAN CHUA SWEE LIAN

Pengarah Bahagian Hasilan Semula Jadi
Director Natural Products Division
DR HJH NOR AZAH MOHAMAD ALI

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Director Technical Services Division
merangkap/cum
Pengarah Bahagian Inovasi dan Komersialisasi
Director Innovation and Commercialisation Division
PUAN/MDM HJH NORHAYATI NORDIN

Pengarah Bahagian Pentadbiran
Director Administration Division
PUAN/MDM LIZA ISMAIL

Profil Korporat
Corporate Profile

Latar Belakang

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Forest Research Institute Malaysia, FRIM) ditubuhkan pada 1929, dahulunya dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) di bawah Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pada 1985 FRIM menjadi sebuah badan berkanun di bawah Akta 319 Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia dan diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama sebelum berpindah ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 2004. Akta FRIM 2016 (Akta 782) yang diwartakan pada 30 September dan berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2016 membolehkan FRIM mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menubuhkan syarikat bagi menjana pendapatan sendiri untuk kelangsungan perkhidmatan serta aktiviti penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi FRIM. Selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada 2018, NRE distruktur semula dan membentuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS).

Visi

Menerajui kepimpinan dalam memacu program penyelidikan, pembangunan, komersialisasi dan aplikasi R&D perhutanan tropika negara.

Misi

Menghasilkan inovasi dan penyelesaian permasalahan secara saintifik bagi memenuhi keperluan perhutanan masa kini dan akan datang

Objektif

Objektif Umum FRIM adalah untuk:

1 menjana pengetahuan saintifik bagi pemahaman, pengurusan dan penggunaan sumber hutan,
2 mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan dengan penggunaan alat saintifik terkini,
3 mengkaji kepelbagaian biologi bagi menghasilkan produk berguna melalui penyelidikan dan pembangunan yang intensif,

Background

The Forest Research Institute Malaysia (FRIM) founded in 1929 as the Forest Research Institute (FRI) was a department under the Forestry Headquarters Peninsular Malaysia. It was not until 1985, the Institute became a statutory body under Act 319 governed by the Malaysian Forestry Research and Development Board (MFRDB) under the then Ministry of Primary Industries. Later in 2004, FRIM was administered by the Ministry of Natural Resources and Environment. FRIM Act 2016 (Act 782), gazetted on 30 September and became effective on 1 October 2016, allows FRIM to commercialise its research and development (R&D) findings and set up a company to generate income to ensure the continuity of FRIM services as well as its R&D and commercialisation activities. After the 14th General Election in 2018, the NRE was restructured to form the Ministry of Water, Land and Natural Resources (KATS).

Vision

To provide leadership in advancing the country's tropical forestry research, development, commercialisation and application.

Mission

To deliver science-based innovations and solutions, meeting the forestry needs of today and tomorrow

Objectives

General Objectives of FRIM are to:

1 generate scientific knowledge for the understanding, management, conservation and use of forest resources,
2 achieve excellence in research and development through the use of the latest scientific equipment,
3 study biodiversity to produce useful products through intensive research and development,

4 memajukan teknologi berkaitan bagi memenuhi keperluan industri perhutanan,
5 mempakejkan hasil penyelidikan dan pembangunan untuk disebar kepada pelanggan,
6 mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan melalui pemindahan teknologi kepada pihak yang berminat,
7 menyediakan perkhidmatan cemerlang untuk memenuhi kepuasan pelanggan,
8 mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi tempatan dan antarabangsa, dan
9 meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan.

4 develop related technology to fulfill the needs of the forestry industry,
5 package research and development findings for dissemination to clients,
6 commercialise research and development findings through technology transfer to all interested parties,
7 provide excellent service to fulfill client needs,
8 create strategic cooperation with local and international agencies, and
9 raise public awareness regarding the importance of the environment and the conservation of forest biodiversity.

Objektif Operasi FRIM adalah untuk:

1 menyediakan program pembangunan sumber manusia bagi melahirkan golongan saintis yang berwibawa dan kompeten,
2 menyediakan suasana kerja yang kondusif bagi menggalakkan cetusan idea di kalangan saintis dan perhubungan lebih rapat dengan pelanggan,
3 menyebarkan hasil teknologi, penyelidikan serta memberi perkhidmatan nasihat dan teknikal yang tepat dan profesional,
4 menyediakan penyelesaian praktikal kepada masalah berkaitan pengurusan dan penggunaan sumber dan hasil hutan, dan
5 menyediakan kemudahan dan memberi perkhidmatan profesional dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap alam sekitar.

Operational Objectives of FRIM are to:

1 provide human resource development programmes to produce a class of authoritative and competent scientists,
2 provide a work environment that is conducive to encourage creative thinking among scientists and a close relationship with clients,
3 disseminate technological and research products as well as giving accurate and professional advice and technical services,
4 provide practical solutions to problems involving management and usage of forest resources and products, and
5 provide facilities and professional services in order to raise environmental awareness.

Fungsi

Fungsi utama FRIM adalah untuk:

1 merancang dan melaksanakan penyelidikan bagi pembangunan sektor perhutanan dan pemuliharaan sumber hutan,
2 memperoleh dan menyebarkan maklumat hasil penyelidikan bagi meningkatkan pengurusan hutan dan penggunaan hasil hutan, dan
3 mengadakan hubungan kerjasama penyelidikan dan pembangunan perhutanan dengan badan-badan dalam dan luar Malaysia.

Functions

The main functions of FRIM are:

1 planning and implementing research for the development of the forestry sector and conservation of forest resources,
2 obtaining and disseminating research information to enhance forest management and the use of forest products,
3 establishing joint research and joint forest development with other bodies within and outside Malaysia.

Dasar Kualiti Korporat

FRIM komited menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan sokongan berkaitan dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan pelanggannya. Kami akan memastikan semua yang bekerja dengan kami bersama-sama bertanggungjawab dan mematuhi standard kualiti yang telah ditetapkan. FRIM akan melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan keberkesanan sistem berkaitan.

Piagam Pelanggan

Kami berjanji untuk berusaha membangunkan dan menggalakkan penggunaan sumber dan hasil hutan secara berkekalan melalui penyelidikan, pembangunan dan penggunaannya. Bagi tujuan ini, kami memberi jaminan seperti yang berikut:

1 Memastikan 90% khidmat nasihat dan perundingan diberikan kepada pelanggan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan,
2 Memastikan 30% artikel jurnal dihasilkan dalam jurnal berfaktor impak (pelaporan dibuat setiap tiga bulan sekali),
3 Memproses pembayaran bil dan invois dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap,
4 Memastikan 95% keputusan perkhidmatan ujian diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh yang dijanjikan,
5 Memastikan 95% laporan pembekalan perkhidmatan diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh yang dijanjikan,
6 Memberikan maklum balas berhubung aduan pelanggan dalam tempoh lima hari bekerja,
7 Memuat naik maklumat terkini di portal FRIM dalam tempoh dua hari bekerja,
8 Memberikan maklum balas berhubung permohonan latihan industri/sangkut dalam tempoh tujuh hari bekerja,
9 Memberikan maklum balas berhubung permohonan sewaan ruang/kawasan/ peralatan dalam tempoh lima hari bekerja, dan
10 Memastikan 80% projek penyelidikan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh penaja (pelaporan dibuat setiap enam bulan sekali).

Corporate Quality Policy

FRIM is committed to providing effective research and related supporting services to fulfil its customers' needs. We ensure that those working with and for us shall be committed and adhered to the quality standards that have been identified. FRIM will carry out continual improvements to enhance the effectiveness of related systems.

Clients' Charter

We pledge to develop and enhance the utilisation of forest resources and produce on a sustainable basis through research, development and application. For this purpose, we ensure that:

1 90% provision of advisory and consulting services to the customer within 14 days from the application date,
2 30% publication of journal articles in impact factor journals (Reporting at every three months),
3 Process payment for bills and invoices within 14 days receipt of complete documents,
4 95% of test results submitted to the customer within the stipulated time,
5 95% submission of test report to the clients within the stipulated period,
6 Provide feedback on customer complaints within five working days,
7 Uploading the latest information at FRIM portal within two working days,
8 Provide feedback on the application of industrial training / outboard within seven working days,
9 Provide feedback on application to rent space/ area/equipment within five working days, and
10 80% of research projects are carried out within the time frame stipulated by sponsors (reporting at six monthly intervals).

Dasar Kualiti Operasi

Kami bertanggungjawab:

1 menjalankan penyelidikan dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti secara profesional bersesuaian dengan keperluan dan jangkaan pelanggan dalam bidang perhutanan tropika dan keluaran hutan,
2 melaksanakan sistem pengurusan kualiti (SPK) secara berkesan untuk skop perkhidmatan penyelidikan, latihan, ujian dan tentukuran, jualan, sewaan, perundingan dan khidmat nasihat yang memenuhi keperluan ISO 9001,
3 memantau keberkesanan pelaksanaan SPK melalui maklum balas yang diterima daripada pelanggan,
4 memastikan peningkatan secara berterusan ke atas objektif kualiti yang sedia ada melalui tindakan pembetulan dan pencegahan berdasarkan hasil analisis petunjuk kualiti yang dilakukan secara konsisten dan menyeluruh,
5 memastikan semua prosedur dan perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan melalui proses penyemakan agar standard yang ditetapkan dapat dicapai,
6 memastikan sebarang kegagalan dalam mencapai standard yang ditetapkan akan disemak dan dinilai untuk digunakan sebagai rujukan dalam proses peningkatan berterusan,
7 memastikan dasar ini difahami oleh kakitangan FRIM melalui taklimat, mesyuarat dan pameran poster, dan
8 memastikan setiap kakitangan FRIM melaksanakan polisi dan prosedur dalam semua aspek perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

Operational Quality Policy

We are responsible for:

1 conducting research and providing quality professional services appropriate to the customers' needs and expectations in the tropical forestry and forest product sectors,
2 implementing quality management system (QMS) effectively within the scope of research, training, testing and calibration, selling, renting and consultancy services, in accordance to MS ISO 9001 requirements,
3 monitoring the effectiveness in the implementation of the QMS through feedback received from customers,
4 ensuring that the continual improvement on the current quality objectives through effective corrective and preventive actions based on the key performance indicator analysis which is done consistently,
5 ensuring that all procedures and services provided to customers are reviewed to meet the standard requirements,
6 ensuring that any failure towards achieving the identified standard is reviewed and evaluated to be used as a reference in the continual improvement process,
7 ensuring that the quality policy is understood by FRIM's personnel through briefings, meetings and poster exhibitions, and
8 ensuring that all personnel implement the policies and procedures in all aspects services provided to the customers.

Slogan Kualiti

Kualiti teras kecemerlangan; inovasi kunci keunggulan

Quality Slogan

Quality is the pillar for excellence; innovation is the key to preeminence

Slogan Persekitaran Berkualiti

Persekitaran berkualiti pemangkin kecemerlangan produktiviti

Quality Environment Slogan

Quality environment as catalyst to excellence in productivity

Pelan Strategik Menuju 2050

Pelan Strategik FRIM adalah berdasarkan lima teras:

1 FRIM sebagai institut penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang terunggul di dunia dalam bidang perhutanan tropika, hasil hutan dan alam sekitar;
2 FRIM sebagai pusat rujukan utama dalam pemuliharaan dan pengurusan hutan dan alam sekitar;
3 FRIM sebagai pembekal perkhidmatan kepada pemegang taruh dalam perundingan dan projek;
4 FRIM sebagai pusat inovasi perhutanan dan hasil hutan; dan
5 FRIM sebagai destinasi rekreasi hutan yang terkenal.

Tujuh program kerja dibangunkan bagi melaksanakan teras tersebut, iaitu:

1 Pengurusan sumber manusia/pembangunan;
2 Mewujudkan bahagian perniagaan bagi penjanaan pendapatan;
3 Kesihatan, pemuliharaan dan pengurusan hutan;
4 Pemerosesan dan penggunaan hutan;
5 FRIM sebagai makmal dunia bagi sains perhutanan tropika;
6 Paradigma baharu dalam menjalankan Penyelidikan; dan
7 Membangunkan perniagaan ekopelancongan.

Stesen Penyelidikan FRIM (SPF)

FRIM menawarkan pelbagai kemudahan untuk menjalankan penyelidikan termasuk sepuluh buah stesen penyelidikan yang terletak di beberapa buah negeri yang mewakili pelbagai jenis hutan di Semenanjung Malaysia seperti yang berikut:

1 Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Pasoh, Negeri Sembilan,
2 Stesen Penyelidikan FRIM Mata Ayer, Perlis,
3 Stesen Penyelidikan FRIM Jengka, Pahang,
4 Stesen Penyelidikan FRIM Segamat, Johor,
5 Stesen Penyelidikan FRIM Setiu, Terengganu,
6 Stesen Penyelidikan FRIM Maran, Pahang,
7 Stesen Penyelidikan FRIM Bidor, Perak,
8 Stesen Penyelidikan FRIM Jeli, Kelantan,
9 Stesen Penyelidikan FRIM Selandar, Melaka, dan
10 Stesen Penyelidikan FRIM Kukup, Johor.

Strategic Plan Towards 2050

FRIM Strategic Plan are based on five thrusts:

1 FRIM as a global leading R&D institute in tropical forestry, forest products, and the environment;
2 FRIM as a premier reference centre on forest conservation and management, and the environment;
3 FRIM as a service provider to the stakeholders in terms of consultancies and projects;
4 FRIM as an innovation centre for forestry and forest products; and
5 FRIM as a renowned forest recreation destination.

Seven work programmes were designed to implement the thrust:

1 Human resource management/development;
2 Establishing a business arm for income generation;
3 Forest health, conservation, and management;
4 Forest products processing and utilisation;
5 FRIM as a global laboratory for tropical forestry science;
6 New paradigm in conducting research; and
7 Developing an eco-tourism business.

FRIM Research Stations

FRIM offers a wide range of facilities for conducting research including ten research stations located in different states to represent various forest types in various parts of Peninsular Malaysia, namely:

1 FRIM Research Station Pasoh, Negeri Sembilan,
2 FRIM Research Station Mata Ayer, Perlis,
3 FRIM Research Station Jengka, Pahang,
4 FRIM Research Station Segamat, Johor,
5 FRIM Research Station Setiu, Terengganu,
6 FRIM Research Station Maran, Pahang,
7 FRIM Research Station Bidor, Perak,
8 FRIM Research Station Jeli, Kelantan,
9 FRIM Research Station Selandar, Melaka, and
10 FRIM Research Station Kukup, Johor.

Objektif Kualiti
Quality Objectives

Objektif Kualiti
Quality Objectives

Bil. No.	Kenyataan Statement	Pencapaian Achievement	
		2017	2018
1	Menjalankan projek penyelidikan Conduct research projects	117	137
2	Menghasilkan penerbitan untuk keperluan pihak berkepentingan Produce publications for the need of stakeholders	1010	145
3	Menandatangani pelesenan teknologi dengan industri Sign technology licensing with the industries	3	3
4	Menjalankan khidmat perundingan ke arah penjanaan pendapatan Provide consultancy service towards income generation	48	43
5	Mengekalkan akreditasi dan pengiktirafan daripada Badan Kebangsaan dan Antarabangsa Maintain accreditations and recognitions from national and international bodies	35	31
6	Menghasilkan output penyelidikan daripada penyelidikan dan pembangunan kepelbagaian biologi. Produce research outputs from biodiversity research and development	39	40
7	Menghasilkan teknologi baharu atau menambah baik teknologi sedia ada bagi keperluan industri Produce new or improved technologies for the industries	6	3
8	Menyertai pameran bagi tujuan sebaran hasil penyelidikan dan pembangunan/Participate in exhibition for disseminating research and development achievements	27	31
9	Menghasilkan artikel dan rencana di media massa berkenaan penyelidikan dan pembangunan serta sumbangan FRIM kepada pihak berkepentingan Publish news and articles on FRIM research and development, and contributions in the mass media	197	122
10	Menganjurkan seminar, bengkel, dialog dan latihan berkaitan kepakaran FRIM kepada pelanggan Organise seminars, workshops, dialogues and trainings	126	109
11	Menghasilkan teknologi yang berpotensi untuk kegunaan industri Produce potential technologies for the industry	**	10
12	Menandatangani perjanjian pelesenan pemindahan teknologi dengan pihak industri Sign agreement for licensing of technology transfer with the industries	3	2

Bil. No.	Kenyataan Statement	Pencapaian Achievement	
		2017	2018
13	Mengemukakan pemfailan paten bagi penemuan baharu penyelidikan dan pembangunan untuk keperluan industri File patent for new discoveries on research and development for the industries	1	3
14	Menjalankan khidmat ujian yang diiktiraf oleh badan kebangsaan dan antarabangsa kepada pelanggan dalam bidang perhutanan tropika Conduct testing services recognised by the national and international bodies to customers in tropical forest	3420 bil. ujian daripada 214 jenis ujian No. of testing from 214 testing types	2116 bil. ujian daripada 197 jenis ujian No. of testing from 197 testing types
15	Menjalankan khidmat perundingan dalam bidang kepakaran FRIM kepada pihak berkepentingan Conduct consultancy services in the field of FRIM experties to stakeholders	48	11
16	Menandatangani memorandum persefahaman/perjanjian dengan agensi tempatan dan antarabangsa Sign MoUs/Agreements with national and international agencies	14	9
17	Menjalankan aktiviti CSR pemuliharaan hutan bersama-sama agensi tempatan dan antarabangsa /Conduct CSR activities on forest conservation with local and international agencies	48	29
18	Menjalankan aktiviti berkaitan pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan hutan bersama-sama institusi pendidikan Conduct educational nature and forest conservation activities with educational institutions	50	29
19	Melahirkan saintis yang memperoleh sarjana atau doktor falsafah dalam bidang kepakaran FRIM/Produce scientists with masters or PhD in FRIM experties	11	13
20	Menghantar dokumen cadangan penyelidikan (DCP) kepada penaja luar bagi memastikan kelestarian penyelidikan dan pembangunan Submit research proposals to external funding agencies to ensure sustainability of R&D		*50
21	Menjana pendapatan daripada khidmat perundingan (Bilangan khidmat perundingan yang bernilai melebihi RM50,000) Generate income from consultancy service (Number of consultancy service worth more than RM50,000)	**48	***10

Nota/Notes:
* Diperkenalkan pada 2018/Introduced in 2018
** Bilangan semua khidmat perundingan/Number of consultancy service
*** Bilangan khidmat perundingan yang bernilai melebihi RM50,000/ Number of consultancy service worth more than RM50,000

Penyelidikan & Pembangunan
Research & Development

Penyelidikan dan Pembangunan
Research and Development (R&D)

SOROTAN PENCAPAIAN R&D

BAHAGIAN KELUARAN HUTAN

Jambatan Lengkung Glulam

Jambatan Glulam ketiga merentasi Kolam Arapaima di FRIM didirikan pada 2006 diperbuat daripada kayu merpauh. Pada tahun 2014, jambatan itu dikesan terdapat tanda-tanda kemerosotan yang dianggap tidak dapat dipulihkan dan tepat pada masanya untuk membina jambatan yang baharu. Selepas satu dekad jambatan itu digunakan akhirnya ia diturunkan pada pertengahan 2018. Bahagian Keluaran Hutan (BKH) diberi mandat untuk membina jambatan lengkung glulam yang baharu bagi menggantikan jambatan yang lama.

Projek ini bermula dengan pemilihan spesies kayu daripada kumpulan Kayu Keras Berat. Kriteria pemilihan spesies adalah berdasarkan ketahanannya dengan harapan ia dapat memanjangkan jangka hayat jambatan. Balau dan balau merah telah dipilih untuk fabrikasi semua komponen. Reka bentuk keseluruhan jambatan lengkung tetap digunakan untuk menggunakan jig sedia ada untuk pembuatannya. Setiap peringkat fabrikasi dirancang dan didokumentasikan dengan teliti untuk rujukan dan pemantauan prestasinya.

Projek itu pada mulanya dicabar oleh beberapa isu ketanggalan pelekat pada kayu keras berat. Pasukan ini bekerjasama dengan pengeluar perekat untuk memastikan bahawa isu-isu ini diselesaikan sebelum kerja laminasi sebenar dimulakan. Sementara itu, projek ini berjaya memperoleh penajaan pelekat daripada dua pengeluar pelekat terkenal, Akzo Nobel Adhesives Sdn Bhd dan JOWAT (SEA) Manufacturing Sdn Bhd. Selain itu, Tong Sim Wood Industries Sdn Bhd menaja bahan kemasiapan untuk perlindungan luaran.

Kerja-kerja laminasi dua rasuk lengkung dan pegangan tangan berjaya diselesaikan dalam bulan Februari 2018 dengan gabungan usaha daripada semua kakitangan Bahagian Keluaran Hutan. Seterusnya, persiapan pada komponen jambatan lain seperti dek, balusters, dan kemasiapan pada rasuk dipimpin oleh Suffian Hamsan, ketua tukang kayu. Dalam tempoh 31 Julai dan 2 Ogos, kakitangan dari Bahagian Keluaran Hutan sekali lagi berganding bahu untuk memindah keluar rasuk jambatan dari Makmal Laminasi Kayu, dan seterusnya ke Kolam Arapaima. Proses pengangkutan dan pemindahan ini telah dirancang dengan teliti

HIGHLIGHTS OF R&D ARCHIEVEMENTS

FOREST PRODUCTS DIVISION

Curved Glulam Bridge

The third curved glulam bridge over Arapaima Pond was erected in 2006 using merpauh timber. In 2014, the bridge was detected with signs of deterioration that was deemed beyond restoration and it was timely decided to build a replacement. After a decade long of use the bridge was finally taken down in mid-2018. Forest Products Division (BKH) was mandated to fabricate a new curved glulam bridge.

The project began with the selection of timber species from the Heavy Hardwood group. The criterion in species selection was based on its durability in hope that this would lengthen the life span of the bridge. Balau and red balau were chosen for the fabrication for all components. The overall design of the bridge was remained in order to use the existing jig for its fabrication. Each fabrication stage was carefully planned and documented for future reference and performance monitoring.

The project was initially challenged by some delamination issues of heavy hardwoods. The team worked with glue manufactures to ensure that the issues were solved before the actual lamination work. Meanwhile, the project had successfully obtained adhesive sponsorship from two renowned adhesive producers, Akzo Nobel Adhesives Sdn Bhd and JOWAT (SEA) Manufacturing Sdn Bhd. In addition, Tong Sim Wood Industries Sdn Bhd had also sponsored furnishing for exterior protection.

The glue lamination of the two curved beams and handrails were successfully completed within the month of February 2018 with the combined effort from all staff of Forest Products Division. Subsequently, preparations on the other bridge components such as decking, balusters, and furnishing on the beams were led by Mr Suffian Hamsan, the chief carpenter. Between 31 July and 2 August, staff from the Forest Products Division rolled their sleeves and working hand-in-hand to transfer the finished beams out from Wood Lamination Laboratory, and subsequently to Arapaima pond. The transportation was carefully planned to minimise any damaged to the beams

untuk mengurangkan kerosakan terhadap rasuk dan memastikan rasuk ditempatkan dengan betul pada tapak konkrit di Kolam Arapaima. Ia disusuli dengan pemasangan balusters, pegangan tangan dan pepapan dek.

Jambatan lengkung glulam yang baharu dan keempat telah dilancarkan secara rasminya oleh Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abd. Latif Mohmod pada 2 Oktober 2018.

and to ensure that the beams were correctly position on the concrete footing at Arapaima pond. The installation of the balusters, handrails and decking strips followed after that.

The new and 4th curved glulam bridge was officially launched by Dato' Dr Abd. Latif Mohmod on 2 October 2018.

Pemasangan komponen jambatan
Assembling of bridge components

Meraut permukaan rasuk bagi membuat kemasan dan rawatan
Routering the surface of the beam to prepare for finishing and treatments

Pelancaran rasmi jambatan lengkung glulam ke-4
Launching of the 4th arched glulam bridge

Penderia Kimia Berasaskan Komposit untuk Pengesanan Ultra Sensitif Gas Formaldehid yang Dibebaskan daripada Produk Komposit Kayu

Nanoteknologi menjadi semakin maju dengan pelbagai nanosensor yang dibangunkan telah memberikan manfaat untuk kehidupan manusia terutama dari segi kesihatan dan keselamatan. Pelbagai kajian telah dijalankan untuk membangunkan peranti sensor dengan saiz bahan terkecil untuk pelbagai aplikasi; antaranya ialah biosensor. Sensor gas biasanya terdiri daripada bahan seperti komposit yang mempunyai kebaikan seperti harga yang rendah, pengesanan ultra, kepekaan dan kebolehulangan yang tinggi.

Dalam kajian ini, FRIM dengan kerjasama Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) yang menyediakan kemudahan menjalankan penyelidikan, telah berjaya membangunkan satu kaedah untuk mengesan gas formaldehid menggunakan makmal mudah alih pada cip nanosensor dengan kepekaan ultra (had pengesanan=0.1 ppm), kebolehulangan dan kebolehulangan (Sisihan Piawai Relatif (RSD)=kurang daripada 20%), julat kepekatan dinamik gas formaldehid (0.1 -100 ppm), masa pengesanan (60 saat) dan tiada gangguan daripada matriks sampel dan gas-gas lain. Berat sensor yang difabrikasi ialah sekitar 500 g. Sensor yang dibangunkan ini tidak hanya berguna untuk mengesan kepekatan gas formaldehid tetapi juga boleh diubahsuai untuk

Nano Chemical Composite Sensor for Ultrasensitive Detection of Formaldehyde Gas Emissions from Composite Wood Products

Nanotechnology is becoming more advanced with various nanosensors being developed which are highly beneficial for human life in terms of health and safety. Various types of studies have been carried out to develop sensor devices with the smallest size of material for various applications such as the biosensor. Gas sensor which consists of nano material such as nano composite offers the potential for low price, ultra sensing, sensitivity and high repeatability.

In this study, FRIM with the collaboration with Institute of Nano Electronic Engineering (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) which provided facilities was successfully developed a method to detect formaldehyde gas using mobile lab on chip nanosensor with ultra sensitivity (Limit of detection = 0.1 ppm), repeatability & reproducibility (Relative Standard Deviation = less than 20%), dynamic range (0.1 -100ppm), detection time (60 seconds) and no interference from samples and other gases. The weight of developed sensor is around 500 g. The developed sensors not only useful for the determination of formaldehyde gas but also can be modified further to detect other harmful gases. The impact of the projects are

mengesan gas berbahaya yang lain. Impak projek ini ialah penawaran teknologi pengesanan gas untuk kegunaan komersial seperti industri biokomposit dan resin. Untuk kelestarian alam sekitar, inovasi ini dapat membantu mengurangkan kesan pencemaran kepada alam sekitar kerana bebas daripada bahan kimia berbahaya dan hanya sedikit sampel diperlukan untuk ujian.

commercialisable gas sensor for biocomposite and resin based industries. For environmental friendliness, this innovation is helpful in reducing the effect of pollution to the environment as free from hazardous chemical substance and only a small amount of sample is needed for the test.

Pembinaan penderia kimia berasaskan komposit untuk pengesanan kepekaan ultra sensitif gas formaldehid yang dibebaskan daripada produk-produk komposit kayu
Development of nano chemical composite sensor for ultrasensitive detection of formaldehyde gas emissions from composite wood products

Nanokomposit Hijau Berkekuatan Tinggi Diperkukuh dengan Selulosa Nanokristal dan Polimer Resin Epoksi

Di peringkat global, nanoteknologi merupakan satu cabang baharu dalam bidang sains dan ia berpotensi besar kepada manusia. Manakala di peringkat Malaysia, penyelidikan strategik negara dalam bidang nanoteknologi adalah tertumpu pada dua bahan yang telah dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara iaitu graphene dan nanoselulosa.

Fokus FRIM ialah menjalankan penyelidikan ke atas bahan nanoselulosa memandangkan FRIM berpengalaman menjalankan penyelidikan dalam bidang lignoselulosa sejak tahun 1950-an lagi. Teknologi penyelidikan ini dipertingkatkan lagi mulai tahun 2007 dengan menjalankan kajian terhadap penguraian selulosa kepada nano hablur dan nano fibril selulosa. FRIM berupaya menghasilkan bahan-bahan ini. Maka usaha untuk mempromosikan penggunaan bahan ini dalam industri berasaskan keluaran hutan telah dipergiat.

High Strength Green Nanocomposite Reinforced with Nanocrystalline Cellulose and Epoxy Resin Polymer

At the global level, nanotechnology is one of the new branches of science that has a great potential for humans. Whereas at Malaysia level, the country's strategic research in the nanotechnology field focuses on two materials, namely graphene and nanocellulose, which have been identified as having a great potential to contribute to the country's industrial development and economic growth.

FRIM research focus is on nanocellulose materials as FRIM has extensive experience in conducting research in the lignocellulosic field since the 1950s. The technology for this research field has been enhanced since 2007 in which a study of the decomposition of cellulose into nanocrystal and cellulose nanofibril has been conducted. FRIM is capable of producing these materials.

Oleh yang demikian, satu daripada bidang yang dikenal pasti mempunyai potensi penggunaan bahan nanoselulosa adalah dalam penghasilan produk biokomposit. Justeru, kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan penggunaan bahan nanohablur selulosa yang dimodifikasi dengan polimer resin epoksi bagi menghasilkan produk nanokomposit yang berkekuatan tinggi. Kajian ini dijalankan oleh FRIM bersama-sama UKM dan Plus Intervest Sdn. Bhd (pengilang papan lapis). Kajian ini berjaya menghasilkan produk nanokomposit mesra alam daripada venir kayu kembang semangkuk dengan saiz ultranipis yang berketebalan kurang daripada 0.3 mm dengan menggunakan bahan perekatan campuran nanohablur selulosa yang terubahsuai dengan polimer resin epoksi. Kaedah baharu ini berbeza dengan kaedah konvensional yang menggunakan resin berasaskan formaldehid yang mana tiada pembebasan gas formaldehid berbahaya daripada produk nanokomposit yang dihasilkan. Kekuatan mekanik bahan nanokomposit telah dipertingkatkan sebanyak 24% dibandingkan dengan bahan biokomposit tanpa nanohablur selulosa. Impak hasil kajian ini ialah demonstrasi aplikasi penggunaan bahan berasaskan nanoselulosa yang boleh dimanfaatkan oleh pemegang taruh dalam bidang keluaran hutan terutama dalam penghasilan produk bernilai tambah.

Thus, efforts to promote the utilisation of these materials in forest produce-based industries have been intensified. In this regard, one of the areas identified as having the potential in the utilisation of nanocellulose material is in the production of biocomposites. Hence, this study was conducted by applying the use of nanocrystalline cellulose material modified with epoxy resin polymer to produce a high-strength nanocomposite. This study was jointly conducted by FRIM, UKM, and Plus Intervest Sdn Bhd (a plywood manufacturer). This study successfully produced an environmentally friendly nanocomposite product from kembang semangkok wood veneer with an ultrathin size of less than 0.3 mm in thickness by using a mixed adhesive material of nanocrystalline cellulose modified with epoxy resin polymer. This new method is different from the conventional method that uses formaldehyde-based resin, as no harmful formaldehyde gas is emitted from the nanocomposite product created. The mechanical strength of the nanocomposite material has been improved by 24% compared to the biocomposite material without nanocrystalline cellulose. The impact of this study's finding is demonstrated by the application of nanocellulose-based materials that may benefit the stakeholders in the field of forest produce particularly in the production of value-added products.

Aplikasi nanohablur selulosa termodifikasi dengan polimer resin epoksi terhadap venir kayu
Application of treated nanocrystalline cellulose with silane to veneer

Mesin ujian universal untuk ujian kekuatan tegangan
Universal testing machine for tensile strength test

Cuka Asid Bakau sebagai Racun Serangga Mesra Alam

Kajian terhadap sisa daripada industri arang kayu bakau telah dimulakan di FRIM bagi membangunkan produk baharu bernilai tambah. Satu daripada sisa industri arang bakau yang dikaji ialah potensi cuka asid bakau sebagai racun serangga mesra alam. Cuka asid bakau merupakan hasil sampingan daripada proses pembakaran tertutup kayu bakau untuk dijadikan arang. Ia diperoleh selepas penyejukan wap yang terhasil daripada proses pembakaran tertutup tersebut.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, cuka asid bakau mengandungi tujuh komposisi kimia utama yang terdiri daripada asid asetik, keton, aldehid, ester, alkohol, benzen dan fenol. Kehadiran asid asetik yang tinggi (63.9%) berbanding komposisi kimia yang lain menyebabkan nilai pH cuka asid berada di sekitar 2.4–2.6. Selain itu, cuka asid bakau juga mengandungi 14 elemen kimia iaitu nitrogen, karbon, fosforus, potassium, kalsium, magnesium, kuprum, selenium, zink, natrium, manganes, ferum, sulfur dan boron. Kehadiran komposisi dan elemen kimia tersebut menjadikan cuka asid bakau boleh berfungsi sebagai racun serangga mesra alam dan dalam masa yang sama boleh berfungsi sebagai mikronutrien kepada tanaman.

Hal ini dapat dibuktikan apabila cuka asid bakau berkepekatan 5–15% digunakan pada anak pokok kempas yang diserang oleh serangga penghisap tumbuhan. Keputusan kajian menunjukkan dengan kekerapan rawatan tiga kali seminggu, cuka asid bakau dapat mengawal serangan *plant sucking pest*. Pucuk anak pokok kelihatan tumbuh semula dengan subur setelah serangan berjaya dikawal.

Serangan agen perosak biologi seperti *plant sucking pest* tanpa kawalan boleh menyebabkan tumbesaran anak pokok terbantut atau mati. Situasi ini secara tidak langsung akan meningkatkan kos penyelenggaraan seperti rawatan dan penanaman semula. Kawalan atau rawatan agen perosak biologi menggunakan racun serangga berasaskan kimia sintetik merupakan langkah mudah dan murah. Walau bagaimanapun ia memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Selain itu, penggunaan racun kimia sintetik yang kerap dalam satu-satu masa boleh menyebabkan agen perosak biologi menjadi imun seterusnya menyukarkan kawalan. Pendekatan rawatan secara sistematik menggunakan cuka asid bakau dapat membantu mengawal serangan agen perosak biologi dengan lebih berkesan dan selamat digunakan serta murah.

Bakau Vinegar as an Environmentally Friendly Insecticide

The study on waste from the mangrove charcoal industry has been initiated in FRIM to develop new value added products. One of the wastes from the mangrove industry that is being studied is the potential of bakau vinegar as an environmentally friendly insecticide. Bakau vinegar is a byproduct of the closed combustion of bakau wood to produce charcoal. It is obtained after the vapors from the process of the closed combustion of bakau wood turn to cool.

Based on study conducted, bakau vinegar contains seven chemical compositions which consists of acetic acid, ketones, aldehydes, esters, alcohols, benzenes and phenols. The existence of high content of acetic acid (63.9%) compared to others chemical compositions making the bakau vinegar is acidic with pH value between 2.4 to 2.6. In addition, bakau vinegar also contains 14 chemical elements which are nitrogen, carbon, phosphorus, potassium, calcium, magnesium, copper, selenium, zinc, sodium, manganese, iron, sulfur and boron. The presence of such chemical compositions and elements making bakau vinegar effective to be used as an environmentally friendly insecticide and at the same time can be function as micro nutrient to plants.

It can be proved when bakau vinegar at a concentration of 5-15% is applied to a saplings of kempas that is attacked by a plant sucking pest. The results of the study showed that with the frequency of treatment of three times a week, the bakau vinegar was able to control the plant sucking pest attack. The shoots of the kempas saplings start grow and fertile after the attack was successfully controlled.

Pests attack such as plant sucking pests without proper control will cause the growth of the saplings to become stunted or dead. This situation will indirectly increase the cost of maintenance such as treatment and replanting. Controls or treatments of pests using synthetic chemical is easy and inexpensive. However, it have negative affects to human health and the environment. Additionally, frequent use of synthetic chemical can cause pests to become immune, which in turn will make it difficult to control. Systematic treatment using bakau vinegar helps to control pest infestation more effectively, safely and inexpensively.



Anak pokok kempas yang diserang plant sucking pest (a) sebelum dan (b) selepas dirawat menggunakan cuka asid bakau
Kempas saplings attacked by plant sucking pest (a) before and (b) after treatments using bakau vinegar

BAHAGIAN BIODIVERSITI HUTAN

Ekologi, Populasi dan Pengurusan Anai-Anai Perosak Pokok Ru di Pesisiran Pantai Semenanjung Malaysia

Pokok ru membantu penstabilan pesisiran pantai berpasir dengan bertindak sebagai pemecah angin, pengurangan hakisan pantai dan penstabilan tanah di samping mengindahkan dan mewujudkan kawasan pantai yang teduh. Pokok ru yang ditanam secara meluas dengan kaedah perladangan kadangkala menghadapi masalah kemerosotan kesihatan yang disebabkan pelbagai faktor biotik dan abiotik. Satu daripada anai-anai perosak yang berkepentingan ekonomi, *Coptotermes gestroi*, telah dijumpai menyerang pokok-pokok ru di Pantai Senok, Kelantan.

Dikenali juga sebagai "Asian subterranean termite", C. *gestroi* adalah endemik di Asia Tenggara dan merupakan perosak utama di dalam bangunan dengan memakan kayu dan bahan berasaskan kayu. Spesies ini juga tersebar ke negara-negara asing melalui perdagangan dan telah menjadi perosak invasif utama pokok landskap dan pokok hutan. Serangan *C. gestroi* tidak mudah dikesan kerana serangan boleh bermula di akar, pangkal pokok atau tunggul. Anai-anai ini juga akan membina galeri tertutup pada permukaan yang terdedah seperti di batang pokok. Masalah serangan anai-anai ini boleh menyebabkan kerosakan dan kematian pokok sekiranya tidak dikawal.

Petak kajian rawatan menggunakan teknik pengumpanan ialah kali pertama diaplikasikan pada pokok-pokok hidup di pesisiran pantai. Requiem® yang diperoleh daripada syarikat Ensystex Malaysia mengandungi bahan aktif 0.1% (w/w) *chlorfluazuron*. Umpan ini diletakkan pada batang pokok yang mempunyai galeri *C. gestroi* yang aktif. Perubahan populasi anai-anai ini dipantau melalui stesen umpan kayu getah yang ditanam di pangkal pokok.

FOREST BIODIVERSITY DIVISION

Ecology, Population and Management of Pest Termite on *Casuarina* Trees in the Coastal Areas of Peninsular Malaysia

Casuarina trees help in shoreline stabilisation by functioning as a wave breaker, reduce shoreline erosion and soil stabilisation besides to beautify and provide shade at the beach. Decline of mass planted *Casuarina* trees i.e. in a plantation scale, can sometimes be caused by various biotic and abiotic factors. One of the economically important pest termites, *Coptotermes gestroi*, was found infesting *Casuarina* trees in Pantai Senok, Kelantan.

Also known as the Asian subterranean termite, *C. gestroi* is endemic to Southeast Asia and a primary pest in buildings by chewing on wooden structures and cellulose-based materials. This species has also been spread to non-native countries through trade and has become invasive pests on landscape and forest trees. Infestation by *C. gestroi* often goes unnoticed as the infestation can begin in the roots, at base of trees or stumps. This species constructs mud trails to cover their movements on exposed areas e.g. on a tree trunk. Attack by *C. gestroi* can damage and cause death to trees if left untreated.

This is a pilot study on the application of baiting technique to treat termite-infested coastal trees. Requiem® used in this study with 0.1% (w/w) chlorfluazuron as the active ingredient, was provided by Ensystex Malaysia. This bait was placed on tree trunks with active mud trails of *C. gestroi*. Changes in termite population is monitored through the rubberwood bait stake that was buried at the base of the infested tree.

Outcome

Kesan umpan *chlorfluazuron* terhadap *C. gestroi* dapat dilihat selepas lapan minggu pengumpanan dijalankan. Lebih kurang 158 g *chlorfluazuron* diperlukan untuk menghapuskan koloni anai-anai dalam petak kajian seluas 0.1 ha. Kadar kematian sesuatu koloni bergantung pada bahan aktif yang digunakan dan saiz koloni yang dirawat. Pengumpanan berasaskan *chlorfluazuron* bersifat mesra alam serta bertindak khusus terhadap anai-anai dan tidak menjejaskan haiwan lain yang bermanfaat seperti lipan.

Penerbitan buku panduan/manual "*Ekologi, Populasi dan Pengurusan Anai-anai Perosak Pokok Ru di Pesisiran Pantai Semenanjung Malaysia*" menyasarkan mereka yang bekerja dalam sektor perhutanan dan terlibat dalam penjagaan pokok hutan. Buku ini bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tentang biologi dan ekologi anai-anai di pesisir pantai serta pengurusannya. Dengan adanya pengetahuan ini, serangan anai-anai perosak boleh dikesan awal melalui pemantauan kesihatan pokok secara berkala dan rawatan bersesuaian diaplikasikan.

Spesies Baharu Lycopodiaceae dan Zingiberaceae di Semenanjung Malaysia

Semakan famili yang sedang dijalankan untuk Flora of Peninsular Malaysia dan fokus pada eksplorasi botani oleh kumpulan Flora of Peninsular Malaysia baru-baru ini telah menemui dan menghuraikan tiga spesies baharu yang menarik dari Semenanjung Malaysia. Spesies-spesies ini ialah *Phlegmariurus iminii* (sejenis epifit di atas pokok yang tumbuh di kawasan batu kapur) dan *P. monticola* (sejenis epifit di atas pokok yang tumbuh di kawasan pergunungan bawah hingga pergunungan atas) dalam famili Lycopodiaceae dan *Scaphochlamys disticha* (sejenis tumbuhan herba yang tumbuh di kawasan hutan tanah pamah dipterokarpa) dalam famili Zingiberaceae. Kesemua spesies baharu ini adalah endemik kepada Semenanjung Malaysia.

Phlegmariurus iminii telah ditemui hidup di atas sebatang pokok di kawasan lereng curam yang sedikit teduh berhampiran puncak Gua Gunting, Merapoh, Pahang. Spesies ini dinamakan sedemikian sebagai penghargaan kepada Imin Kamin, Pembantu Penyelidik yang bertugas mengawal selia koleksi likofit dan paku-pakis di Herbarium FRIM, yang telah menemui spesies ini. *Phlegmariurus iminii* ialah spesies yang Terancam Kritikal. Satu-satunya lokaliti yang telah disahkan bagi spesies ini ialah satu kawasan bukit batu kapur yang terletak di luar jaringan Kawasan yang Dilindungi Sepenuhnya dan diancam oleh aktiviti kuari untuk simen serta dikelilingi oleh

Outcome

The effectiveness of chlorfluazuron against *C. gestroi* can be observed eight weeks after baiting was conducted. About 158 g chlorfluazuron was used to eliminate the termite colony in the 0.1 ha study plot. Mortality rate of a colony depends on the active ingredient used and size of the colony to be treated. Chlorfluazuron based baiting is more environmentally friendly with host specificity towards termites and does not affect other beneficial organisms like the centipede.

The publication of this guidebook/manual "*Ecology, Population and Management of Pest Termites on Casuarina Trees in the Coastal Areas of Peninsular Malaysia*" targets those working in the forestry sector and involved in plant health care. It aims to increase knowledge on the biology and ecology of termites in the coastal areas including its management. With this knowledge, termite infestation can be detected early through continuous surveillance and appropriate treatment can be applied.

New Species of Lycopodiaceae and Zingiberaceae in Peninsular Malaysia

Revision of the family underway for the Flora of Peninsular Malaysia and the focus of botanical exploration by the Flora of Peninsular Malaysia team have recently brought to light and described three new interesting species from Peninsular Malaysia. These are *Phlegmariurus iminii* (an epiphyte on trees growing on limestone) and *P. monticola* (an epiphyte on trees in lower to upper montane forest) of the family Lycopodiaceae and *Scaphochlamys disticha* (a herbaceous plant growing in lowland dipterocarp forest) belonging to family Zingiberaceae. All the new species are endemic to Peninsular Malaysia.

Phlegmariurus iminii was found growing on a tree on a steep slope, slightly shaded near the summit of Gua Gunting, Merapoh, Pahang. It was named after Mr Imin Kamin, Research Assistant in-charge of the lycophyte and fern collection in the FRIM Herbarium who discovered this species. It is a Critically Endangered species. Its only confirmed locality is a single karst limestone hill that lies outside the network of Totally Protected Areas and is threatened by quarrying for cement and is surrounded by oil palm plantations that expose it to disturbance from agricultural activities, in particular by the practice of clearing vegetation by burning.

kawasan penanaman kelapa sawit yang terdedah kepada gangguan akibat daripada aktiviti pertanian, secara khususnya merujuk amalan pembersihan vegetasi dengan cara pembakaran.

Phlegmariurus monticola ditemukan di kawasan sedikit teduh, biasanya di kawasan pergunungan bawah, kadangkala di kawasan pergunungan atas, pada ketinggian 1400–2100 m di Banjaran Titiwangsa mencadangkan taburannya mungkin lebih meluas. Kawasan pergunungan di atas 1000 m adalah dilindungi kerana larangan pembersihan hutan di kawasan lereng curam. Walaupun demikian, populasi spesies ini perlu dipantau disebabkan spesies ini telah sedia untuk dijual di beberapa tapak semaian di Malaysia, Singapura dan Thailand, dengan itu pengutipan spesies ini dari hutan boleh mendatangkan ancaman. Nama latin bagi spesies *monticola* bermaksud penghuni kawasan pergunungan.

Spesies baharu ketiga, *Scaphochlamys disticha* telah ditemukan di kawasan lembah di Air Terjun Sekayu, Hutan Simpan Ulu Terengganu Tambahan, Terengganu. Nama Latin bagi spesies *disticha* merujuk brakta bunga yang tersusun secara berselang-seli dalam dua barisan yang bertentangan. Spesies ini ialah tumbuhan herba yang tumbuh di atas tanah, ditemukan di kawasan hutan dipterokarpa tanah pamah dan hidup dengan banyaknya di kawasan terang tetapi berkeadaan teduh kesan bukaan kanopi. Pencarian di kawasan sekitarnya mendapati populasi spesies ini sangat setempat, terhad kepada pertengahan curam di kawasan lembah di Air Terjun Sekayu. Spesies ini disenaraikan sebagai spesies Langka mengikut garis panduan dalam *Senarai Merah Tumbuhan Malaysia* disebabkan spesies ini dianggap jarang ditemukan tetapi tidak diancam oleh kepupusan.

Phlegmariurus monticola is found in light shade usually in lower montane forest, sometimes in upper montane forest, at 1400–2100 m elevation in the Main Range suggesting that it is likely to be more widespread. The montane forest above 1000 m is protected because of the restriction on clearing forest on steep slopes. However, its populations need to be monitored because it is readily available for sale in nurseries in Malaysia, Singapore and Thailand, so collecting of these plants from the wild may become a threat. The Latin name for species *monticola* means dweller or inhabitant in mountains.

The third new species, *Scaphochlamys disticha* was discovered in the valley of Sekayu Waterfall, Ulu Terengganu Tambahan Forest Reserve, Terengganu. The Latin name for species *disticha* refers to the distichously arranged floral bracts. The plants are terrestrial herbaceous and found in lowland dipterocarp forest growing abundantly in the bright but shady conditions provided by the canopy openings. A search of the surrounding area found the population to be highly localised, restricted to the mid slope of the valley at Sekayu Waterfall. It is listed as Rare species following the guidelines in the Malaysian Plant Red List because this species is considered rare but not threatened by extinction.

Spesimen holotip *Phlegmariurus iminii*
Holotype specimen of *Phlegmariurus iminii*

Phlegmariurus monticola

Habit *Scaphochlamys disticha*
Habit of *Scaphochlamys disticha*

Bunga *Scaphochlamys disticha*
Flower of *Scaphochlamys disticha*

BIOTEKNOLOGI PERHUTANAN

Penanaman Herba Kacip Fatimah di Kampung Sagil, Tangkak, Johor

Projek penanaman herba kacip fatimah di bawah geran Program *MOSTI Social Innovation* (MSI) telah dijalankan di Bukit Gambir, Ledang, Johor dengan penglibatan ahli Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil (PPKS) bertujuan untuk membantu penduduk memperoleh pendapatan tambahan. Sebahagian besar penduduk di kawasan ini merupakan peladang serta pekebun getah dan kelapa sawit dan ini dapat membantu apabila berlaku kejatuhan harga serta penurunan produktiviti tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit yang diusahakan. Projek ini boleh dikategorikan sebagai projek *touch point* kerana ia memberi impak kepada peningkatan hasil pendapatan orang kampung yang seterusnya dapat memartabatkan taraf ekonomi negara.

Selain itu, projek ini dijalankan kerana tumbuhan herba kacip fatimah mendapat permintaan yang tinggi daripada industri berasaskan produk herba. Bekalan bahan mentah dari hutan asli tidak dapat memenuhi permintaan industri kerana sumber yang semakin berkurangan dan tidak dapat dipastikan kualitinya. Sebagai contoh, kajian terkini oleh FRIM (2017) menunjukkan 87% bekalan bahan mentah kacip fatimah diperoleh dari hutan semula jadi dan hanya 17% yang diperoleh daripada perladangan. Nilai dagangan herba pada 2016 menunjukkan nilai eksport negara adalah kurang daripada 10 juta USD sedangkan nilai import melebihi 70 juta USD. Oleh itu satu inisiatif bagi mengekalkan kelestarian pengeluaran bahan mentah herba perlu dijalankan.

Melalui R&D, kumpulan penyelidik dari Bahagian Bioteknologi Perhutanan, FRIM telah berjaya

FORESTRY BIOTECHNOLOGY

Plantation of *Labisia pumila* Herbs at Kampung Sagil, Tangkak, Johor

This herbal plantation project was funded by MOSTI Social Innovation Program (MSI) and conducted at Kampung Sagil, Tangkak, Johor with the involvement of Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil (PPKS) to aid the community in generating additional income. Majority of the community in this area are farmers, rubber and oil palm planters and this program would benefit them during the prices fall and reduction in productivity of the commodities such as rubber and oil palm. This project can be classified as touch point project due to its impact on the increase of community income which in turn can enhance the economic status of the country.

Other than that, this project was carried out due to the high demand of *Labisia pumila* by the herbal industry. Currently, the supply of raw materials from natural forests cannot fulfill the industry demand as the resources are depleting and uncertain quality. Recent research by FRIM (2017) found that 87% of the *Labisia pumila* raw materials supply were obtained from natural forest and only 17% were cultivated. In terms of the herbal trade value in 2016, the export value of the country is less than 10 million USD while the value of imports exceeds 70 million USD. Therefore, an initiative to sustain the production of herbal raw materials should be carried out.

Through R&D, researchers from Forestry Biotechnology Division, FRIM has succeeded in producing superior clone of *Labisia pumila* which has the good growth characteristics and high in bioactive chemical content. In addition, FRIM also has technology to reproduce this superior plant material through tissue culture

menghasilkan klon superior kacip fatimah yang mempunyai ciri pertumbuhan dan kandungan kimia aktif yang baik. Di samping itu, FRIM juga mempunyai teknologi memperbanyak bahan tanaman superior ini melalui teknik kultur tisu menggunakan Sistem Rendaman Sementara (SRS). Projek MSI ini dijalankan oleh FRIM (pembekal teknologi) bersama-sama dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd (MBDC) (sebagai *match-maker*), Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil, Tangkak, Johor (pelaksana projek) dan Bioalpha Holdings Berhad (syarikat pembeli) bagi memastikan bekalan bahan mentah yang mampan dan berkualiti tinggi.

Projek ini mempunyai objektif merekayasa hasil kajian FRIM untuk faedah kepada rakyat melalui usaha perladangan bahan tanaman kacip fatimah berkualiti di samping dapat meningkatkan penyertaan isi rumah luar bandar dalam aktiviti keusahawanan berasaskan bioteknologi.

FRIM membekalkan baka kacip fatimah berkualiti tinggi yang terhasil daripada kaedah kultur tisu melalui MBDC kepada komuniti di Ledang. Kemudian, mereka dilatih tentang kaedah menanam serta membiakkan bahan tanaman menggunakan teknik keratan daun serta teknologi lain yang dibangunkan oleh FRIM iaitu penjagaan dan penanaman di ladang sehinggalah dapat dituai oleh penduduk kampung.

Sebagai permulaan, seramai 10 orang kampung yang juga ahli PPKS terlibat sebagai perintis yang akan mengembangkan lagi aktiviti pembiakan dan penanaman kacip fatimah kepada penduduk lain. Hasil tanaman yang dituai dibeli oleh syarikat Bioalpha Holdings Berhad (berstatus BioNexus) melalui perjanjian belian balik yang dimeterai. Usaha ini dapat menjamin pendapatan untuk komuniti dan bekalan yang konsisten untuk syarikat tersebut. Syarikat ini kemudian memasarkan produk daripada ekstrak kacip fatimah.

Peruntukan projek yang diluluskan sebanyak RM300,000 merangkumi kos pembinaan infrastruktur, bahan tanaman, peralatan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

PULANGAN (RM): Penduduk boleh meraih hasil tuaian kacip fatimah dengan berat basah antara 1500–2000 kg bagi setiap 2.5 ekar (1 ha) tanaman dengan harga sekilogram berat basah ialah RM15.00. Jumlah hasil pendapatan isi rumah ialah RM2000–2500 sebulan. Hasil yang diperoleh ini secara langsung dapat menambah pendapatan komuniti Ledang, Johor secara berterusan melalui konsep perladangan kontrak bagi aktiviti pertanian herba bernilai tinggi.

technique using Temporary Immersion System (TIS). In this MSI project, FRIM act as the technology provider to the beneficiary Persatuan Pekebun Kecil Kg. Sagil (PPKS) and Bioalpha Holdings Berhad was appointed as the anchor company. This project is supervised by Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (MBDC) to ensure sustainable supply of the high quality raw materials.

This project has the objective of engineered FRIM's research findings for the benefit of the community through the plantation of high quality *Labisia pumila* as well as enhancing the participation of rural households in biotechnology-based entrepreneurial activities.

FRIM provide the high quality clone of *Labisia pumila* which were produced through tissue culture technique via MBDC to the community in Ledang. Then, the community were trained on planting and cultivating the plants using leaf cutting techniques as well as other technologies developed by FRIM such as plantation management and harvesting techniques.

For starters, a total of 10 villagers who are members of PPKS are involved as pioneers who will further develop the breeding and cultivation activities for other villagers. The harvested crop is purchased by Bioalpha Holdings Berhad (BioNexus status) through the buyback agreement. This effort will ensure consistent income to the community and sustainable supply of raw materials to the company. The company then markets the product from the *Labisia pumila* extract.

The approved budget for this project is RM300,000, which consists the cost of infrastructure development, planting materials, tools and other services.

RETURN (RM): It is estimated that the fresh weight of *Labisia pumila* obtained from 1 ha plantation is about 1500–2000 kg with the selling price RM15 per kg. The community will gain about RM2000–RM2500 household income per month. These results directly contribute to the continued income of the Ledang community through the concept of contract farming for high value herbal.

FAEDAH PROJEK:

1 Memulihara serta mengurangkan tekanan ekploitasi hutan asli untuk bahan mentah herba dengan kaedah domestikasi spesies ini secara perladangan.
2 Memastikan pihak industri mendapat bekalan bahan mentah berkualiti lagi terjamin.
3 Penduduk kampung mampu menjana pendapatan tambahan antara RM18,000 hingga RM22,500 setiap satu pusingan (bersamaan sembilan bulan) dengan mengusahakan penanaman seluas 1 ha.
4 Produk berasaskan ekstrak kacip fatimah berkualiti dari Malaysia ini berpotensi menembusi pasaran antarabangsa dalam tempoh 2–3 tahun.

BENEFITS OF PROJECT:

1. Conserves and reduces the pressure of natural forest exploitation for herbal raw materials by the method of domestication of this species through plantation.
2. Ensuring the sustainable supply of quality raw materials to the industry is guaranteed.
3. The community are able to generate additional income between RM18,000 and RM22,500 per cycle (nine months old) with 1 ha plantation.
4. The quality *Labisia pumila* -based product from Malaysia has the potential to penetrate the international market within 2–3 years.




Program pemindahan teknologi kacip fatimah yang dijalankan secara teori dan amali
Kacip fatimah transfer of technology program which was carried out theoretically and practically


Mengajar orang kampung mengenai kaedah penanaman kacip fatimah di ladang
Training the villagers on the planting of kacip fatimah at the plantation

Pokok kacip fatimah yang dituai oleh penduduk Kampung Sagil
Kacip fatimah which is harvested by the villagers of Kampung Sagil

Projek Bank Germplasma Dipterokarpa Negara

Latar belakang Projek

Hutan diperokarpa mempunyai nilai ekonomi dan ekologi yang sangat penting. Pada masa kini, di Semenanjung Malaysia populasi dipterokarpa menurun disebabkan oleh perubahan guna tanah, penebangan dan kemerosotan mengikut masa. Penurunan kawasan dan sumber hutan mendorong kepada keperluan bagi pengurusan secara lestari. Tidak banyak data populasi dan ekologi bagi spesies dipterokarpa termasuk jenis terancam yang diketahui umum. Jika berlaku kejadian kemusnahan di habitat asal maka langkah-langkah untuk menyelamat spesies ini adalah perlu.

Pada tahun 2013, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang kini dikenali sebagai Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah mencadangkan penubuhan Bank Germplasma bagi melindungi dan seterusnya mengekalkan spesies pokok dan tumbuhan tempatan yang telah dikategorikan sebagai terancam.

Bank Germplasma Dipterokarpa Negara (National Dipterocarp Germplasm Bank, NDGB) ini menggunakan konsep pemuliharaan secara ex-situ dipterokarpa tanah pamah daripada spesies sangat terancam kepada yang berisiko rendah ditanam di kawasan terpilih di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Tanjong Malim, Perak.

National Dipterocarp Germplasm Bank

Project Background

Dipterocarp forest is one of several forest types that are of vital economic and ecological importance in Peninsular Malaysia. Currently, many populations of dipterocarps in Peninsular Malaysia are on the decline because of land use changes, unsustainable harvesting and degradation with the passage of time. Decreasing areas and forest resources led to the need for sustainable management. There is a lack of information on populations and ecological data for dipterocarps, including threatened species, for references. If the habitats of these species are under threat, necessary steps are needed to save them.

In 2013, Secretary General of Ministry of Natural Resources and Environment (NRE), now known as Ministry of Water, Land and Natural Resources (KATS), has proposed the establishment of a germplasm bank for the purpose of protecting and maintaining local plant species that have been categorized as endangered.

National Dipterocarp Germplasm Bank applied the concept of ex-situ conservation by planting dipterocarp species listed as least concern to critically endangered at the National Institute of Land and Survey (INSTUN), Tanjong Malim, Perak.

Dana Projek

Projek NDGB mendapat peruntukan kewangan daripada tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF), KATS bagi jangka masa dua tahun (1 Januari 2017–31 Disember 2018) pada 24 November 2016 berjumlah RM 151,200 dan FRIM sebagai penaja bersama sebanyak RM128,100, dengan jumlah keseluruhan projek ialah RM 279,300.

Projek ini melibatkan 2 fasa utama iaitu:

Fasa 1 (Kutipan, penghasilan dan penjagaan bahan tanaman)

Aktiviti kutipan melibatkan kutipan bahan tanaman, sampel baucar dan data geolokasi daripada spesies-spesies dipterokarpa tanah pamah yang disenaraikan dalam Research Pamplet No. 129 *Malaysian Plant Red List Peninsular Malaysian Dipterocarpacea* yang diterbitkan oleh FRIM pada 2010.

Pada peringkat tapak semaian; biji benih disemai, ditabung mengikut amalan biasa di tapak semaian. Sementara anak liar dikutip dan dipulihkan mengikut teknik kutipan dan pemulihan yang telah dibangunkan oleh tapak semaian FRIM.

Bahan tanaman ditempatkan di tapak semaian Stesen Penyelidikan FRIM Mata Ayer, Perlis dan di FRIM Kepong.

Fasa 2 (Penanaman bahan tanaman)

Kawasan penanaman mempunyai siri tanah kuala brang—siri tanah yang sederhana dalam. Kawasan ini berkelas terain C_2–C_4 iaitu beralun hingga berbukit, berkecerunan antara 2–6° hingga 12–20°. Kawasan tersebut ialah kawasan hutan yang telah diteroka (hutan miskin). Terdapat campuran spesies seperti *Acacia mangium* dan spesies bukan dipterokarpa seperti *Endospermum macrophyllum*, *Macaranga* sp, *Eugenia* sp, *Vitex pubescens* serta buluh iaitu *Gigantocloa scortechinii* atau buluh semantan yang mendominasi sebahagian kawasan ini. Kawasan terbuka pula dipenuhi dengan resam.

Taburan hujan di kawasan Tanjung Malim, Perak ialah sebanyak 2798 mm setahun. Hujan yang paling rendah adalah pada bulan Jun iaitu 150 mm dan tertinggi pada bulan November 345 mm. Purata suhu ialah 27°C. Suhu terendah pada bulan Januari iaitu 26.5°C dan tertinggi pada bulan April iaitu 27.4°C. Ketinggian tapak projek daripada aras laut adalah antara 55–90 m (asl).

Kajian ini bertujuan untuk menilai kadar pertumbuhan 10 spesies pokok dipterokarpa di kawasan bernaungan 50% di kawasan hutan

Project Funding

The NDGB project receives funding from the National Natural Resources Conservation Trust (NCTF) Fund, KATS for a period of two years from 1 January 2017–31 December 2018 (NRE (5) 600-2 / 1/48 Jld 3 (17) November 2016 amounting to RM151,200 with Forest Research Institute Malaysia (FRIM) as a joint sponsor of RM 128,100 totaling RM 279,300.

This project involves two main phases i.e.:

Phase 1 (Collection, production and maintenance of plant material)

Collection activity involved collection of crop materials, voucher samples and geo-location data of lowland dipterocarp species listed in Research Pamphlet No. 129 *Malaysian Plant Red List Peninsular Malaysian Dipterocarpaceae* published by FRIM in 2010.

At the nursery stage, seeds are sown and nurtured according to the usual practices at the nursery. Wildings are collected, acclimatised and nurtured according to techniques developed by FRIM.

The nurseries are located at FRIM Research Station Mata Ayer, Perlis and FRIM, Kepong.

Phase 2 (Planting of seedlings)

The planting area has a soil series of Kkuala bBrang, a medium deep soil. The class terrain is C2–C4 which has a gradient of corrugated to hilly, between 2 -–6 ° to 12-–20 °. The area is categorised as a previously forested area that has already been explored (poorly stocked forest). There are mixed of species such as *Acacia mangium* and other non-dipterocarp species such as *Endospermum macrophyllum*, *Macaranga* sp., *Eugenia* sp., *Vitex pubescens* and bamboos such as *Gigantocloa scortechhinii* or semantan that dominate some of these areas. In addition, the open area are is filled with ferns.

Rainfall in Tanjung Malim, Perak was 2798 mm per year. The lowest rainfall was in June with 150 mm and the highest was in November with 345 mm. The average temperature was 27 ° C. The lowest temperature was in January at 26.5°C and the highest in April at 27.4°C. Project site altitude is from 55 to 90 meters above sea level.

This study aims to evaluate the growth rate of 10 dipterocarp species in a 50% sheltered area of cleared forest. The planting was done under tree canopy (under planting). The clearing of the planting area was done manually. Trees with diameter measuring below 10 cm were felled and cleared. Weeds were cut

yang dibersihkan. Penanaman dilakukan di bawah kanopi pokok (*under planting*). Pembersihan kawasan tanaman dilakukan secara manual iaitu pokok yang berdiameter 10 cm ke bawah ditebang dan dibersihkan menggunakan parang dan mesin gergaji berantai. Rumpai dan resam dibersihkan menggunakan mesin sandang. Pembukaan kawasan ialah mengikut keperluan pertumbuhan anak pokok dipterokarpa yang memerlukan cahaya 50 % naungan. Bahan tebangan disusun secara selari antara barisan berjarak 5 m di antara satu barisan.

Reka bentuk petak penyelidikan ialah reka bentuk blok lengkap terawak (RCBD) yang mengandungi dua blok, empat replikasi dan 10 rawatan. Rawatan petak mengandungi 25 pokok daripada 10 spesies. Jumlah bilangan pokok untuk 1 replikasi ialah 25 pokok x 10 spesies (250 pokok). Saiz dan keluasan kawasan untuk blok 1 ialah 40 m x 150 m (0.6 ha) dan untuk blok 2 ialah 75 m x 80 m (0.6 ha). Jumlah keseluruhan pokok ditanam bagi kajian ini ialah 250 pokok x 4 replikasi (1000 pokok). Jarak tanaman yang diguna pakai ialah 3 x 4 m dengan jumlah keseluruhan kawasan bertanam ialah 1.2 ha. Replikasi 1 dan 2 ialah bersebelahan manakala replikasi 3 dan 4 yang juga bersebelahan dipisahkan oleh kawasan berpaya yang berjarak 250 m.

and cleared using grass cutter machine. The openness of the area with 50% light penetration is according to the growth requirement of dipterocarp seedlings. Felled materials were arranged parallel to the rows that were 5 m apart.

This study employs a randomised complete block design (RCBD) comprising 2 blocks, 4 replicates and 10 treatments. Treatment contains 25 trees for each of the 10 species. Total number of trees for each replicate is 25 trees x 10 species (250 trees). Each block measures 40 m x 150 m (0.6 ha) and for blocks 2 is 75 m x 80 m (0.6 ha). The total number of trees planted for this study is 250 trees x 4 blocks (1000 trees). Planting distance is 3 m x 4 m with the total planted area 1.2 ha. Replicates 1 and 2 are adjacent while replicates 3 and 4 are separated by a swampy area 250 m away.

Senarai spesies yang ditanam adalah seperti berikut;
The list of species planted is as follows:

	Nama botani **Botanical name**	**Nama tempatan** **Local name**	**Status konservasi** **Conservation status**
1	*Hopea nervosa* King	Merawan jangkang	NT
2	*Shorea acuminata* Dyer	Meranti rambai daun	LC
3	*Shorea roxburghii* G. Don	Meranti temak nipis	NT
4	*Vatica odorata* (Griff.) Symington ssp. *Odorata*	Resak ranting kesat	*VU
5	*Vatica yeechongii* Saw	Resak	*CR
6	*Dipterocarpus baudii* Korth.	Keruing bulu	LC
7	*Dipterocarpus rigidus* Ridl.	Keruing cogan	*EN
8	*Shorea ovalis* (Korth.) Blume ssp. *ovalis*	Meranti kepong	NT
9	*Shorea glauca* king	Balau laut	LC
10	*Neobalanocarpus heimii* (King) PS Ashton	Cengal	NT

* Spesies terancam mengikut Chua, Suhaida, Hamidah & Saw (2010). *Malaysia Plant Red List: Peninsular Malaysian Dipterocarpaceae*. Forest Research Institute Malaysia (FRIM) & Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia, Malaysia.

* Endangered species according to Chua, Suhaida, Hamidah & Saw (2010). Malaysia Plant Red List: Peninsular Malaysian Dipterocarpaceae. Forest Research Institute Malaysia (FRIM) & Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia, Malaysia. pp. 73, 146

	Status konservasi /Conservation status
CR	Sangat terancam/Critically Endangered
EN	Terancam/Endangered
VU	Rentan/Vulnerable
NT	Hampir terancam/Near Threatened
LC	Risiko rendah/Least Concern

Output Projek

Penubuhan Petak Bank Germplasma Dipterokarpa yang terdiri daripada 10 spesies (1000 pokok) dipterokarpa tanah pamah mengikut status konservasi spesies bahaya kritikal (*Critically Endangered*) sehingga risiko rendah (*Least concern*). Sebanyak 24 baucar dan data geolokasi spesies dipterokarpa tanah pamah direkodkan bagi tujuan rujukan.

Faedah Projek:

Projek ini akan mengetengahkan fungsi KATS dalam pelaksanaan dasar, strategi dan program yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pengurusan sumber semula jadi. Pemuliharaan bahan tanaman secara *ex-situ* akan dapat mengekalkan sumber genetik spesies dipterokarpa daripada pelbagai kategori status konservasi di kawasan yang selamat dan boleh digunakan pada masa hadapan.

Ia juga merupakan penerokaan bidang baharu INSTUN yang berkaitan dengan pengurusan tanah sebagai Pusat Kecemerlangan Pengurusan dan Penggunaan Tanah.

Projek ini boleh juga untuk masa hadapan, boleh memberi nilai tambah sebagai tempat edupelancongan dan ekopelancongan untuk peringkat kementerian dan negeri Perak khususnya.

Kerjasama Projek

Projek ini melibatkan kerjasama FRIM dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan INSTUN.

Project Output

A National Dipterocarp Germplasm Bank consisting of 10 species (1000 trees) of lowland dipterocarps according to the conservation status of Chua *et al*. (2010). A total of 24 vouchers and geo-location data of lowland dipterocarp species were recorded for reference.

Project Benefits:

This project will highlight KATS's role in implementing policies, strategies and programs related to conservation and management of natural resources. Ex-situ plant conservation will preserve the genetic resources of dipterocarp species from various categories of conservation status in a safe area for reference in the future.

Enhancement of INSTUN's role in land management as a Center for Excellence in Land Management and Use.

The project can also be used for an edu-tourism and eco-tourism site for the ministry and state of Perak, in particular.

Project Cooperation

This project involves the cooperation of FRIM with KATS, Forestry Department of Peninsular Malaysia and INSTUN.

Lokasi Projek/Project location:

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Behrang, 35950 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Institute of Land and Survey (INSTUN), Behrang, 35950 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Fasa 1 (Kutipan, penghasilan dan penjagaan bahan tanaman)
Phase 1 (Collection, production and maintenance of plant materials)

Kutipan bahan tanaman (biji benih) dilakukan dengan kaedah melastik dan menggoncangkan dahan pokok *Dipterocarpus rigidus* di HS Mata Ayer, Perlis
Collection of *Dipterocarpus rigidus* seeds using catapult and shaking of branches at Mata Ayer Forest Reserve in Perlis

Penyediaan baucar sampel spesimen untuk rujukan
Preparation of specimen vouchers for reference

Anak benih *Neobalanocarpus heimii* mulai bercambah dalam masa seminggu setelah disemai
Neobalanocarpus heimii seedlings began to germinate within a week after sowing

Anak liar *Shorea glauca* diletakkan dalam rumah pengikliman selama 3 bulan bagi menjalani proses pemulihan sebelum dipindahkan ke batas ubah
Shorea glauca wildings were placed in the acclimatisation house for recovery within 3 months period before moving to nursery beds.

Fasa 2 (Penanaman bahan tanaman)
Phase 2 (Planting of planting materials)

Aktiviti penanaman di Blok 1
Planting activities in Block 1

Blok 1, Replikasi 1 & 2 yang ditanam sebanyak 500 batang pokok
Block 1, Replicates 1 and 2 with a total of 500 seedlings planted.

Aktiviti penanaman di Blok 2
Planting activities in Block 2

Penanaman di kawasan curam di Blok 2, Replikasi 3 dan 4
Replicates 3 and 4 in Block 2 established on a slope

Kawasan penanaman di Blok 2, Replikasi 3 & 4
A view of Block 2, replicates 3 and 4

Kebun Biji Benih Meranti Tembaga (*Shorea Leprosula*)

Pada awal tahun 1990-an, kajian kesesuaian spesies di kawasan bekas lombong dan kawasan tanah BRIS (beach ridges intersperse with swales) banyak menggunakan spesies *Eusideroxylon zwageri*, *Hevea brasiliensis, Casuarina equisetifolia, Fagraea fragrans, Intsia palembanica* dan *Palaqium gutta*. Namun, kadar tumbesarannya adalah rendah (FAO 2002). Sebagai alternatif, spesies *Shorea leprosula* telah terpilih sebagai satu daripada spesies yang berpotensi untuk kajian seterusnya (Hashim *et al*. 1992). Spesies ini dipilih berdasarkan taburannya yang meluas atau dikenali sebagai spesies indigenous, mempunyai sifat pertumbuhan yang baik, berupaya menghasilkan biji benih yang berterusan, mempunyai jaminan pasaran yang baik dan kesesuaian untuk pelbagai guna (Choo & Lim 1983).

Sehubungan dengan itu, pada tahun 1997, FRIM telah menyenaraikan 14 spesies untuk diberi keutamaan dalam bidang kajian, iaitu *Hevea brasiliensis*, *Acacia* spp., *Khaya ivorensis*, *Tectona grandis*, *Azadirachta excelsa*, *Dyera costulata*, *Drybalanops aromatica*, *Hopea odorata*, *Shorea leprosula*, *S. parvifolia*, *S. platyclados*, *Palaquium* spp., *Endorspermum malaccense* dan *Hibiscus cannabinus* (Baskaran 1997).

Sebagai langkah permulaan untuk penghasilan sumber bahan tanaman yang terjamin dari segi kualiti (berkualiti dari segi genetik dan fisiologinya) dan kuantiti (berterusan) maka petak ujian progeni telah ditubuhkan di Hutan Simpan (HS) Ulu Sedili, Johor dan HS Kemasul, Pahang pada bulan November 1997. Ia merupakan petak ujian progeni yang pertama ke atas famili dipterokarpa di negara ini. Projek ini merupakan kerjasama antara FRIM dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Kajian ini melibatkan pengutipan biji benih daripada 40 separa sib famili (pokok induk) terpilih yang terletak di lima hutan simpan di Semenanjung Malaysia iaitu di HS Sungai Menyala, HS Bukit Rengit, HS Bangi, HS Gombak dan HS Tranggun. Pemilihan pokok induk ini bersandarkan ciri rupa bentuk yang dinilai atau dilihat secara mata kasar yang dikenali sebagai kaedah fenotipik.

Petak kajian di Hutan Simpan (HS) Ulu Sedili, Johor mengandungi dirian sebanyak 1280 pokok (jumlah asal yang ditanam) dan berkeluasan 4.5 ha. Pada umur dirian 20 tahun, julat tumbesaran bagi ketinggian pokok ialah 17.2–25.7 m, manakala bagi tumbesaran diameter aras dada ialah 21.5 hingga 27.4 cm. Kajian hubungan genetik, analisis dilakukan oleh Makmal Genetik FRIM. Analisis pertumbuhan dan hubungan genetik adalah untuk menentukan pokok induk yang mana perlu ditebang dan ditinggalkan;

Seedling Seed Orchard of *Shorea leprosula* (Meranti Tembaga)

In the early 1990s, research on the plant species conformity in the areas such as Beach Ridges Intersperse with Swales (BRIS) soils and former mines area, utilised many species such as *Eusideroxylon zwageri*, *Hevea brasiliensis, Casuarina equisetifolia, Fagraea fragrans, Instia palembanica* and *Palaquium gutta*. However, the study found that the mentioned species had a slow growth rate when planted in such areas (FAO 2002). As an alternative, *Shorea leprosula* has been selected as one of the most potential species for further study (Hashim et al., 1992). This species was selected because of its wide distribution and an indigenous species to Malaysia, it has good growth performance and bears fruit all year round, and the species also has good market assurance and multipurpose usage (Choo & Lim 1983).

On the other hand, Forest Research Institute Malaysia (FRIM) has also listed *S. leprosula* among the 14 species selected to be given a priority in the research, other species were; *Hevea brasiliensis*, *Acacia* spp., *Khaya ivorensis*, *Tectona grandis*, *Azadirachta excelsa*, *Dyera costulata*, *Drybalanops aromatica*, *Hopea odorata*, *S. parvifolia*, *S. platyclados*, *Palaquium* spp., *Endorspermum malaccense* dan *Hibiscus cannabinus* (Baskaran 1997).

As a preliminary step towards the production of high-quality planting materials, in terms of quality (genetic and physiology) and quantity (continuous supply), a progeny trial plot of *S. leprosula* was established at Ulu Sedili Forest Reserve, Johor and Kemasul Forest Reserve, Pahang in November 1997. This was the first progeny trial plot of Dipterocarp species in this country. This project is a collaboration between FRIM and the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM).

This study involved seedlings collection from 40 half-sib families in five forest reserves areas in Peninsular Malaysia which were Sungai Menyala Forest Reserve, Bukit Rengit Forest Reserve, Bangi Forest Reserve, Gombak Forest Reserve and Tranum Forest Reserve. The selection of the mother trees was made based on the physical characteristics which were assessed following the tree grading system, which is also known as a phenotypic method.

The progeny trial plot at Ulu Sedili Forest Reserve consists of a total of 1280 trees (the original trees planted) and encompassing of an area of 2.05 hectares. At the age of 20 years, the growth performance's range for the height (HT) of the trees is 17.2 to 25.7m, while for the diameter at breast height (DBH) is 21.5

dikenali sebagai penjarangan genetik. Kacukan pendebungaan terbuka antara dirian yang tinggal (dirian terbaik) berupaya menghasilkan kualiti biji benih pada masa akan datang. Kebun biji benih ini perlu diselenggarakan mengikut amalan silvikultur supaya berupaya menghasilkan kuantiti biji benih yang banyak dan berterusan.

to 27.4cm. Additionally, the study of genetic diversity and relationships were conducted by the FRIM Genetic Laboratory. Selection of the individual trees to be cut down for genetic thinning will be conducted based on the findings of the growth performances and genetic relationship among the 40 half-sib families of *S. leprosula*. Open pollination between the remaining trees (the best possible) will be able to produce high-quality seeds in the future. The seeds of the selected progenies should be maintained in accordance with the silvicultural practices in order to produce abundant and high-quality seeds.

Dirian meranti tembaga berumur 20 tahun di HS Ulu Sedili, Johor
Twenty-year-old meranti tembaga stand at Ulu Sedili FR, Johore

Pengambilan data tumbesaran pokok
Data collection on tree growth

Pensampelan daun
Leaves sampling



Contoh DNA yang telah diekstrak
Samples of the extracted DNA

HASILAN SEMULA JADI

Pensahihan *Hibiscus sabdariffa* L. (Rozel) dengan Pencirian Morfologi dan Cap Jari Kromatografi

Pensahihan merupakan isu utama dalam sektor perindustrian yang menggunakan ekstrak semula jadi. Komposisi ekstrak semula jadi yang menentukan keberkesanan, keselamatan dan kualiti produk dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti spesies botani, asal-usul geografi, penanaman, umur tumbuhan, amalan tuaian, serta proses pengekstrakan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (USFDA) dan Agensi Ubat Eropah (EMEA) telah menyatakan bahawa pensahihan spesies adalah antara analisis pertama yang perlu dijalankan untuk memastikan kualiti dan diskriminasi daripada spesies yang berkaitan atau sampel yang dipalsukan. Oleh itu, pendekatan analitik yang cepat dan tepat pada dasarnya diperlukan untuk mengenal pasti penggunaan bahan permulaan yang betul.

Hibiscus sabdariffa L. (rozel; Malvaceae) mempunyai pelbagai kegunaan tradisional dan berpotensi sebagai makanan, minuman herba, minuman panas dan sejuk, sebagai agen perasa dalam industri makanan dan sebagai ubatan herba. Kajian in vitro dan vivo serta beberapa ujian klinikal telah membuktikan bahawa ekstrak *H. sabdariffa* menunjukkan kesan, antaranya antibakteria, antioksidan, perlindungan nefro dan hepato, diuretik, metabolisme lipid (antikolesterol), kencing manis dan antihipertensi. Kumpulan sebatian asid fenolik, asid organik dan antosianin mungkin menyumbang kepada kesan yang dilaporkan. Secara umum, *H. sabdariffa* mempunyai rekod keselamatan dan toleransi yang sangat baik. Walau bagaimanapun, data tersedia yang mengaitkan penggunaan terapeutik *H. sabdariffa* dan profil kimia ekstrak yang digunakan adalah terhad. Kebanyakan kajian yang dilaporkan hanya mengenal pasti jenis ekstrak dan bahagian tumbuhan yang digunakan, tetapi tidak mengaitkannya dengan sebatian yang terdapat dalam ekstrak secara kualitatif dan kuantitatif.

Kajian di FRIM telah menunjukkan kesan farmakologi yang menarik dalam keadaan obesiti yang dikaitkan dengan kehadiran beberapa derivatif asid caffeoylquinic dalam ekstrak piawai *H. sabdariffa*. Di samping itu, protokol cap jari komprehensif melalui pendekatan botani dan kimia telah dibangunkan untuk pensahihan dan verifikasi dua jenis *H. sabdariffa* yang ditanam sebagai sayuran (asam paya), untuk membuat teh atau jus kordial (rozel) atau sebagai hiasan. Perbezaan botani secara makroskopi antara kedua-dua jenis ini dapat diperhatikan pada bentuk dan margin daun, saiz dan tekstur kaliks buah atau bunga serta bentuk batang apabila kering, sementara perbezaan ciri mikroskopi diperhatikan menerusi

NATURAL PRODUCTS

Authentication of *Hibiscus sabdariffa* L. (Roselle) by Morphological Characterisation and Chromatographic Fingerprinting

Authentication is a major issue in the industrial sectors working with natural extracts. The compositions of the natural extracts which determine the product efficacy, safety and quality are affected by factors such as botanical species, geographical origins, cultivation, age and harvest practices, as well as extraction processes. The World Health Organisation (WHO), United States Food and Drug Administration (USFDA) and the European Medicines Agency (EMEA) have stated that species authentication is one of the first analyses that should be conducted to ensure their quality and discriminate from related species or adulterated samples. Therefore, rapid and accurate analytical approaches are essentially required for the identification of the correct starting materials.

Hibiscus sabdariffa L. (roselle; Malvaceae) has a wide range of traditional and potential uses as a food, in herbal drinks, in hot and cold beverages, as a flavouring agent in the food industry and as a herbal medicine. In vitro and in vivo studies as well as some clinical trials provide some evidence for the extracts that showed antibacterial, anti-oxidant, nephro- and hepato-protective, diuretic, lipid metabolism (anti-cholesterol), anti-diabetic and anti-hypertensive effects among others. Phenolic acids, organic acids and anthocyanins are likely to contribute to the reported effects. In general, *H. sabdariffa* has an excellent safety and tolerability record. However, limited data is available that correlates the therapeutic uses of *H. sabdariffa* and the chemical profile of the extracts being used. Most of the studies reported only identify the type of extract and part of plant used, but do not quantify the compounds present in the extract.

Recent studies in FRIM have demonstrated interesting pharmacological effects for *H. sabdariffa* in obesity condition which is associated with derivatives of caffeoylquinic acid in phytochemically characterized and well-designed standardized extract. Further to that, a comprehensive fingerprint protocol through botanical and chemical approaches was developed for the authentication and verifcation of two types of *H. sabdariffa* that are locally grown as vegetables (asam paya), for making tea or cordial juices (roselle) or even as ornamental. The macroscopic botanical differences observed between the two types were in the shape and margin of the leaves, the size and texture of the fruits or flower calyxes and shape of stem when dried whilst differences in microscopic characters were observed in the cross sections done on the leaf by the presence or absence of the trichomes and type of crystals and the outline

keratan rentas daun yang dilakukan dengan mengenal pasti kehadiran atau ketidakhadiran struktur trikom dan jenis kristal serta bentuk permukaan dan susunan berkas vaskular pada keratan rentas petiol daun. Pembangunan cap jari kimia dengan pengenalpastian secara kualitatif terhadap derivatif asid caffeoylquinic menggunakan kromatografi lapisan tipis yang tinggi (HPTLC) dan teknik kromatografi cecair prestasi tinggi (HPLC) juga boleh digunakan untuk mengesahkan *H. sabdariffa*. Walau bagaimanapun, profil ini tidak memberikan sebarang perbezaan jelas antara daun daripada dua jenis *H. sabdariffa* yang menunjukkan bahawa komposisi kimianya adalah serupa.

and vascular bundles arrangement on the petiole cross section. The chemical fingerprinting with qualitative identification of the caffeolquinic acid derivatives using high performance thin layer chromatography (HPTLC) and high performance liquid chromatography (HPLC) techniques could be used to authenticate *H. sabdariffa* but did not reveal any obvious differences between the two types of leaves indicating that their chemical compostions are similar.

Tumbuhan *Hibiscus sabdariffa* (i), bunga (ii), buah (iii), kaliks buah segar (iv) dan kering (v).
Hibiscus sabdariffa plant (i), flowers (ii), fruits (iii), fresh (iv) and dried (v) fruit calyx.



(i)



(ii)



(iii)

Hibiscus sabdariffa. (i) Keratan rentas daun dan kaliks buah. (ii) Ciri-ciri mikroskopi serbuk daun. (iii) Ciri-ciri mikroskopi serbuk kaliks buah.
Hibiscus sabdariffa. (i) Transverse sections of leaves. (ii) Microscopic characteristics of leaf powder. (iii) Microscopic characteristics of fruit calyx powder



(i)



(ii)

Cap jari HPTLC daun (i) dan kelopak buah (ii) *Hibiscus sabdariffa* diperoleh dari pelbagai lokasi selepas derivatisasi dengan 10% asid sulfuric. (A) cahaya UV pada 254 nm; (B) cahaya UV pada 365 nm dan (C) cahaya nampak. Trek 1-3, 3-O-caffeoylquinic acid, 4-O-caffeoylquinic acid and 5-O-caffeoylquinic acid. (i) Trek 4-14, rosel; Trek 15, asam paya. (ii) Trek 4-11, rosel.

HPTLC fingerprints of *Hibiscus sabdariffa* leaves (i) and calyx (ii) obtained from different locations after derivatization with 10% sulfuric acid. (A) UV light at 254 nm; (B) UV light at 365 nm and (C) visible light. Track 1-3, 3-O-caffeoylquinic acid, 4-O-caffeoylquinic acid and 5-O-caffeoylquinic acid. (i) Track 4-14, roselle; Track 15, asam paya. (ii) Track 4-11, roselle.





Peak 1
(5-*O*-caffeoylquinic acid)

Peak 3
(4-*O*-caffeoylquinic acid)

Peak 4
(3-*O*-caffeoylquinic acid)

Cap jari HPLC daun (i) dan kelopak buah (ii) *Hibiscus sabdariffa* diperoleh dari pelbagai lokasi dengan pengenalpastian secara kualitatif kehadiran 5-O-caffeoylquinic acid (puncak 1), 4-O-caffeoylquinic acid (puncak 3) and 3-O-caffeoylquinic acid (puncak 4).

HPLC fingerprints of *Hibiscus sabdariffa* leaves (i) and calyx (ii) obtained from different locations with qualitative identification of 5-O-caffeoylquinic acid (peak 1), 4-O-caffeoylquinic acid (peak 3) and 3-O-caffeoylquinic acid (peak 4).

Peningkatan Kualiti Produk daripada Tumbuhan Hutan Paya Laut

Hutan paya laut atau hutan paya bakau adalah penting kerana ekosistemnya yang dinamik dan sangat produktif. Ia bukan sahaja memainkan pelbagai fungsi ekologi untuk habitat sekitarnya dalam membentuk kestabilan alam bahkan sebagai sumber makanan dan pendapatan kepada komuniti pesisir pantai. Hutan paya laut juga kaya dengan spesies yang mempunyai khasiat perubatan. Walau bagaimanapun, khasiat tumbuhan hutan paya laut ini memerlukan penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi (R, D & C) agar mutu produk yang dihasilkan itu dapat dipertingkatkan, mempunyai nilai saintifik, berkesan dan selamat untuk digunakan.

Sebagai sebuah institut penyelidikan perhutanan, FRIM sentiasa berusaha untuk menghasilkan kajian dan produk yang berupaya membantu memajukan lagi industri negara yang berasaskan sumber hutan yang mempunyai nilai perubatan tinggi. Maka, Jawatankuasa Teknikal Mengenai Penyelidikan dan Pembangunan Program Penanaman Bakau dan Spesies Lain yang Sesuai di Persisiran Pantai Negara (JTRD) telah meluluskan projek "Peningkatan Kualiti Produk Terhasil daripada Tumbuhan Hutan Paya Laut" untuk membantu Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pantai Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai PIFWA dalam meningkatkan kualiti produk-produk mereka seperti teh jeruju dan jem buah berembang serta melihat potensi spesies paya laut yang lain. Jaminan kualiti ialah komponen penting dalam pembangunan produk. Ia dapat meningkatkan mutu produk tersebut, menjana maklumat saintifik dan memastikan produk tempatan yang dihasilkan adalah selamat, berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Antara usaha yang telah FRIM lakukan ialah menentukan keselamatan produk keluaran PIFWA melalui ujian bebanan mikroorganisma dan had logam berat. Penemuan awal menunjukkan kedua-dua produk adalah bebas daripada logam berat. Walau bagaimanapun, produk teh jeruju didapati tercemar dengan mikrorganisma. Namun, produk tersebut masih dianggap selamat dan tidak menjejaskan kesihatan kerana air panas semasa penyediaan teh dapat membunuh mikroorganisma berkenaan. Hasil maklumat tersebut, pihak PIFWA telah mengambil tindakan proaktif memperbaiki produk teh jeruju melalui pengeluaran teh jeruju versi kedua yang bebas daripada pencemaran mikroorganisma dan logam berat.

Enhancement of Product Quality from Mangrove Forest Plants

Mangrove forests or swampy forests are important for their dynamic and highly productive ecosystems. It plays various ecological functions for the surrounding habitat in shaping the stability of the environment and provide sources of food as well income to the coastal communities. It is also rich in medicinal properties. Although the benefits of mangrove forest plant have long been known by the local comunities, research, development and commercialisation (R, D & C) studies need to be done to ensure that the quality of the product is enhanced, has scientific value, efficacious and safe to be use.

As a forest research institute, FRIM is constantly striving to produce research and products that are capable of assisting in developing the national forest resources industry based which have high medicinal value. Therefore, the Technical Committee on Research and Development of Planting Mangrove Species and Other Species in Coastal Area (JTRD) has approved the project on "Improvement of Product Quality from Mangrove Forest Plants" in assisting the Penang Inshore Fisherman Welfare Association or better known as PIFWA in enhancing the quality of their products such as jeruju tea and berembang fruit jam, as well to investigate potential of other mangrove species. Quality assurance is a crucial component in the product development, it can improve the product's quality and generating scientific information that can be used to ensure that local products are safe, effective and comply to Malaysian Ministry of Health regulation.

As part of FRIM concerted efforts in determining the safety of PIFWA products, microbial load and heavy metal tests were carried out on the products. Preliminary results showed that both products are free of heavy metals. However, the jeruju tea product was found to be contaminated with microorganisms but the product is still considered as safe and not detrimental to health due to the usage of boiling water in tea preparation that can kill microorganisms. By using the information from FRIM, PIFWA has taken proactive actions to improve the jeruju tea product through production of the second version of jeruju tea. The test results for the second version of the tea product indicated that it is free from microorganisms and heavy metals contamination.

Di samping itu, lapan spesies paya laut telah dikaji untuk melihat potensinya dibangunkan sebagai produk, antaranya berembang (*Soneratia caseolaris*), jeruju putih (*Acanthus ilicifolius*), jeruju hitam (*A.ebracteatus*), api-api ludat (*A. officinalis*), api-api jambu (*A. marina*), Api-api putih (*A. alba)*, piai lasa (*Acrostichum speciosum*) dan tumu putih (*Bruguiera sexangula*). Spesies-spesies ini telah melalui proses penyaringan fitokimia dan aktiviti biologi terpilih seperti antioksidan dan antimikrob. Hasil uji kaji mendapati kebanyakan tumbuhan mengandungi flavonoid. Penilaian antioksidan menunjukkan bahawa beberapa spesies tumbuhan seperti berembang, piai lasa dan tumu putih mempunyai aktiviti perencatan radikal bebas yang tinggi. Walau bagaimanapun yang menariknya, ekstrak berembang didapati mempunyai aktiviti antioksidan yang tinggi melalui asai perencatan enzim elastase. Aktiviti yang tinggi ini menyatakan potensi ekstrak berembang boleh menegangkan kulit. Ujian antimikrob pula menunjukkan ekstrak berembang mempamerkan kadar perencatan yang baik terhadap mikroorganisma terpilih, *Staphylococcus aureus* ATCC 33591 dan *Escherichia coli* ATTC 35218. Berdasarkan kajian-kajian ini, ekstrak berembang berpotensi dibangunkan dalam produk kosmetik dan penjagaan kulit.

FRIM juga telah menganjurkan satu Program Kesedaran Herba bersama komuniti PIWFA. Penganjuran kursus seumpama ini merupakan sebahagian daripada aktiviti rutin FRIM dalam membantu pembangunan dan pemerkasaan industri herba negara. Objektif program ini adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran peserta melalui perkongsian teknologi pemprosesan dan pembangunan produk herba**;** termasuk memberi pendedahan tentang pengunaan spesies daripada paya laut, proses kawalan kualiti dalam produk herba, pemprosesan minyak pati dan formulasi produk kosmetik. Peserta program turut diberikan peluang mengikuti amali penyulingan minyak pati menggunakan spesies tumbuhan di persekitaran persisiran pantai. Selain itu, mereka juga mempelajari dan cuba memformulasikan sendiri produk kosmetik (krim, gel dan minyak urut) menggunakan minyak pati sebagai satu daripada ramuan aktif.

Maklum balas yang baik dari peserta program memberi gambaran positif bahawa R, D & C yang melibatkan spesies dan produk hutan paya laut adalah relevan untuk diketengahkan dan dikembangkan. Input dan maklum balas ini amat berharga untuk menangani isu berkaitan serta mempertingkatkan keupayaan FRIM untuk menguruskan khazanah negara yang sangat bernilai ini.

In addition, a total of 8 mangroves species have been explored and studied to see the potential to be developed as a product, among of them are berembang (*Soneratia caseolaris*), jeruju (*Acanthus ilicifolius*), jeruju hitam (*A. ebracteatus*), api-api ludat (*A. officinalis*), api-api jambu (*A. marina*), api-api putih (*A. alba*), piai lasa (*Acrostichum speciosum*) and tumu putih (*Bruguiera sexangula*). These species have undergone phytochemical screening and selected biological activities such as anti-oxidants and anti-microbes. The results of the experiments carried out showed most of the plant contain flavonoids. Antioxidant evaluation shown that some plant species such as berembang, piai lasa and tumu putih have high free radical inhibition activity. However, it is interesting that berembang extract was found to have high antioxidant activity through elastase enzyme inhibition assay. This high activity demonstrates that berembang extract has potential to tighten up skin. From antimicrobial testing, the berembang extract has shown good inhibition rate against selected microorganism, *Staphylococcus aureus* and *Escherichia coli* ATCC 33591 and ATTC 35218. Based on the results, berembang extracts has potential to be developed into cosmetic and skin care products.

FRIM has also organised an Herbal Awareness Program with the PIWFA community. Organising such courses is part of FRIM's routine activities in assisting the development and empowerment of the national herbs industry. The objective of the program is to enhance the knowledge and awareness of the participants through the sharing of processing technology and development of herbal products. This includes providing an insight into the use of mangrove species, quality control processes in herbal products, essential oil processing and cosmetic product formulations. Participants were also given opportunities to attend practical of essential oil distillation extraction using plant species in the coastal environment. In addition, they also learnt and tried to formulate their own cosmetic products (cream, gel and massage oil) using essential oil as one of the active ingredients.

The good response from the participants gave a positive picture that R, D and C involving mangroves forest based products is relevant to be highlighted and developed. These inputs and feedback are valuable to address all related issues and enhancing FRIM's ability to manage this highly valuable national treasure.

Pengumpulan sampel di Sungai Aceh Pulau Pinang
Sample collection at Sungai Aceh, Pulau Pinang

Berembang
(Sonneratia caseolaris)

Jeruju
(Acanthus ilicifolius)

Latihan penyulingan minyak pati
Training on essential oils distillation

Amali formulasi produk kosmetik
Practical on cosmetic product formulation

Sorotan Pengurusan R&D
Highlights of R&D Management

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 35 projek penyelidikan telah diluluskan (32 penaja luar; 3 geran dalaman) dengan nilai RM27,795,344.70.
As at 31 December 2018, a total of 35 research projects was approved (32 from the external funding agencies, 3 internal grants) of RM27,795,344.70.

Senarai projek penyelidikan yang diluluskan/List of approved projects:

No. Bil.	Penaja Funder	Ketua projek Project leader	Tajuk projek Project title	Jumlah peruntukan diterima/ Total fund (RM)
1	RMK	Dato Dr Marzalina Hj Mansor	Pengukuhan Bank Germplasma serta Pembangunan Produk Berkualiti dan Berakreditasi untuk Memperkasakan Industri Perhutanan dan Herba Negara	5,000,000.00
2	RMK	Noorsiha Ayop	Pertumbuhan Hijau Berteraskan Pemuliharaan Flora Paling Unik Dunia (Rafflesia) bagi Memperkasakan Industri Eko-Pelancongan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	1,500,000.00
3	RMK	Noorsiha Ayop	Program Pemuliharaan Biodiversiti ke Arah Pertumbuhan Hijau Kawasan Tanah Tinggi bagi Memperkasakan Industri Eko-Pelancongan Semenanjung Malaysia	4,500,000.00
4	RMK	Dr Samsudin Musa	Memperkasakan Penyelidikan dan Peningkatan Integriti Ekosistem Pengurusan Hutan Secara Lestari	2,000,000.00
5	RMK	Dr Gan Kee Seng	Peningkatan Kualiti Serta Ketahanan Bahan dan Hayat Perkhidmatan Sumber Kayu Lestari ke Arah Memperkasakan Daya Saing Produk Berasaskan Kayu Negara di Pasaran Antarabangsa	1,122,000.00
6	RMK	Dr Richard Chung Cheng Kong	Dokumentasi dan Konservasi Biodiversiti Demi Kesejahteraan Hutan dan Kemampanan Sumber Semula Jadi (Fasa 1)	4,000,000.00
7	RMK	Dr Fadhilah Zainudin	Mengukuhkan Pendorong Pertumbuhan Ekonomi Negara melalui Pengkomersialan Teknologi ke Arah Pencapaian Peningkatan Pendapatan Tinggi	3,000,000.00

No. Bil.	Penaja Funder	Ketua projek Project leader	Tajuk projek Project title	Jumlah peruntukan diterima/ Total fund (RM)
8	RMK	Noorsiha Ayop	Memperkasakan Penyelidkan dan Pemuliharaan Kampus FRIM sebagai Tapak Warisan Semula Jadi dan Dunia	760,000.00
9	Persekutuan Federal	Dr Lee Soon Leong	*DNA Barcoding of Major Timbers and Cites Listed Plant Species in Malaysia*	200,000.00
10	Persekutuan Federal	Norsham Suhaina Yaakob	Kajian Koleksi Hidup Tumbuhan Endemik dan Terancam di Lembangan Chini untuk Pemuliharaan Ex-Situ Khazanah Negara	60,000.00
11	Persekutuan Federal	Norsham Suhaina Yaakob	Kajian Inventori Kepelbagaian Diversiti Amfibia di Lembangan Chini	30,000.00
12	Persekutuan Federal	Mohd Ghazali Hassan	Penghasilan Kaedah Mempercepat Tumbesaran Tumbuhan Bakau untuk Konservasi Hutan Paya Laut di Tg Piai, Johor	50,000.00
13	Persekutuan Federal	Dr Ismail Parlan	Pengemaskinian dan Penerbitan Dokumen "An Overview on Wetlands In Malaysia"	50,000.00
14	Persekutuan Federal	Tariq Mubarak Husin	Kajian Direktori Kawasan Tanah Lembap di Semanjung Malaysia	100,000.00
15	RPP	Mohd Ghazali Hassan	Konservasi Tumbuhan Teratai Secara Lestari di Tasik Chini	10,000.00
16	Persekutuan Federal	Mohd Ghazali Hassan	Kajian Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Simpan Paya Gambut bagi Negeri Selangor	451,000.00
17	Antarabangsa International	Mohd Parid Mamat	*Conservation and Consumption Goods and Nature-based Recreation: A Community-Based Ecotourism Project in Malaysia*	97,162.50
18	Negeri State	Dr Raja Barizan Raja Sulaiman	Germplasma Warisan Hutan Bakau di Bagan Datuk	3,000,000.00
19	Persekutuan Federal	Dr Noor Azlin Yahya	*Assessment of Biodiversity Programme Involvement by Civil Societies in Malaysia*	100,000.00
20	Persekutuan Federal	Dr Sik Huei Shing	Pengoptimasian Kaedah *High Temperature Drying* (HTD) bagi Spesies Kayu Hutan Ladang Fasa Ke-2	117,215.82

No. Bil.	Penaja Funder	Ketua projek Project leader	Tajuk projek Project title	Jumlah peruntukan diterima/ Total fund (RM)
21	RPP	Abd Majid Jalil	*Biomass Distribution and Carbon Storage of Aquilaria malaccensis at SPF Maran Pahang*	20,000.00
22	Persekutuan Federal	Mohd Parid Mamat	Kajian Penyediaan Dokumen Pelan Strategik Perhutanan Sosial Malaysia, 2018-2016	65,000.00
23	TL	Rohana Abd Rahman	*Appraisal on Land Use Activities and Its Impact to FRIM Heritage Site*	40,000.00
24	Antarabangsa International I	Dr Gan Kee Seng	*Equivalent Timber Names in ASEAN*	239,422.64
25	JTRD	Dr Mohd Zaki Abdullah	Pembiakan Vegetatif Secara Makro dan Mikro Propagasi untuk Spesies *Xylocarpus rumphii* (Nyirih Pasir)	45,000.00
26	JTRD	Veronica Khoo Swee Imm	Penilaian Keperluan Habitat Serta Langkah-Langkah Pemeliharaan Kelestarian Populasi Kelip-Kelip di Sungai Rembau-Linggi, Negeri Sembilan	35,000.00
27	JTRD	Hyrul Izwan Mohd Husin	Kajian Berkenaan Faktor Kesesuaian Spesies untuk Ditanam di Kawasan Berpasir yang Bersesuaian dengan Penyu untuk Mendarat dan Bertelur	30,000.00
28	Persekutuan Federal	Dr Elizabeth Philip	Inventori GHG bagi Sektor LULUCF untuk BUR3	100,000.00
29	Swasta Private	Dr Farah Fazwa Mohd Ariff	Potensi Penanaman Selingan Dari Spesies-Spesies Herba Terpilih Di Dalam Perladangan Komoditi	97,500.00
30	Persekutuan Federal	Dr Norwati Muhammad	The Development of Detection Method for Genetically Modified Brinjal (*Solanum melongena* L.)	190,000.00
31	Antarabangsa International	Mohd Azahari Faidi	*Regional Forest Observations for Sustainable Forest Management in Malaysia*	145,530.00
32	FRGS	Getha R. Krishnasamy	*Elucidation of Anti-MRSA Activity of a Dimeric Sesquiterpene in Combination with Other Antibiotics and in the Presence of Plasma, and its In Vivo Efficacy Using Wound Infection Model*	141,700.00

No. Bil.	Penaja Funder	Ketua projek Project leader	Tajuk projek Project title	Jumlah peruntukan diterima/ Total fund (RM)
33	FRGS	Mailina Jamil	*Discriminative Analysis of Volatile Constituents in Various Citronella Oils/ Extracts and Evaluation of their Toxicity Level*	104,100.00
34	FRGS	Dr Mohd Khairun Anwar Uyup	*The Sorption Behaviour of Batai (Paraserianthes falcataria) Modified with Phenolic Resin*	89,200.00
35	Swasta Private	Dr Noor Azlin Yahya	Kajian Inventori, Pemetaan dan Pemeriksaan Pokok-Pokok Teduhan bagi Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP) Putrajaya	329,456.00
Jumlah Besar/Grand Total				**27,795,344.70**

Penaja/Funding agency	Bil./No.	Jumlah/Total
RMK-11	8	21,882,000.00
FRGS	3	335,000.00
Persekutuan/Federal	12	1,513,215.82
Antarabangsa/International	3	458,172.88
Negeri/State	1	3,000,000.00
Swasta/Private	2	426,956.00
RPP	2	30,000.00
Tabung Lembaga/Internal Fund	1	40,000.00
JTRD	3	110,000.00
Jumlah Besar/Grand Total	**35 (72)**	**27,795,344.70**

Nota/Notes:

JTRD: Jawatankuasa Teknikal Mengenai Penyelidikan dan Pembangunan/ Technical Committee on Research and Development
5.3 Sebagai badan kerajaan, FRIM akan hanya berbelanja berdasarkan kelulusan peruntukan yang diperoleh sama ada daripada Kerajaan Persekutuan atau sumber-sumber lain. FRIM tidak melakukan sebarang bentuk pinjaman untuk membiayai perbelanjaannya. Lebihan peruntukan yang belum dibelanjakan akan disimpan dalam simpanan tetap dan dilaburkan dalam instrumen kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan. Justeru, semua petunjuk dan nisbah kewangan FRIM tidak menunjukkan apa-apa kelemahan seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

As a government agency, FRIM could only spend base on the amount approved and received from either Federal Government or other sources of income. The Institute did not finance any of its activities through loan or credit. Any committed allocation not yet spent would be invested in fixed deposit in local banks and financial institutions, and other instrument as approved by the Ministry of Finance. As such, the Institute's financial position and financial ratio indicates no weaknesses as shown in Table 3 below:

Jadual 3: Petunjuk Prestasi Kewangan pada 31 Disember 2018
Table 3: Financial Performance Indicators as at 31 December 2018

Nisbah Kewangan Financial Ratio	2018	2017
Aset Semasa/Tanggungan Semasa Current Ratio	11.13	15.36
Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa Liquid Ratio	10.45	14.46
Jumlah Hutang/Jumlah Aset Debt/Asset Ratio	0.14	0.14
Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan Capital/Debtor Ratio	6.07	5.94
Modal Digunakan/Aset Tetap Capital/Asset Ratio	0.92	0.91

6.0 LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
AUDITORS GENERAL REPORT

6.1 Ketua Audit Negara telah memperakukan penyata kewangan Institut bagi tahun 2018 dengan memberi **Sijil Bersih Audit** dan berpendapat bahawa penyata yang dibentangkan telah memberikan gambaran sebenar dan adil mengenai kedudukan kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia pada 31 Disember 2018, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

The Auditor General had certified the FRIM's Financial Statement for 2018 with a **Clean Audit Report** and in their opinion the statement presented had given a true and far view of the financial position of the Forest Research Institute Malaysia as at 31 December 2018, its operation and cash flows for that year in accordance with approved accounting standard.

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Institut Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Institut bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782). Anggota Institut juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan, Anggota Institut bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Institut.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Institut dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan untuk disimpan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 782.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit terhadap akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Anggota Institut dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 OGOS 2019

Penyata Pengerusi dan Nota kepada Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA INSTITUT
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA

Kami, **Datuk Zurinah binti Pawanteh** dan **Dato' Dr. Abd. Latif bin Mohmod**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Institut, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia** pada **31 Disember 2018** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Institut,

.....
Datuk Zurinah Binti Pawanteh
Pengerusi Institut
22 AUG 2019
SELANGOR DARUL EHSAN

Bagi pihak Institut,

.....
Dato' Dr. Abd. Latif Bin Mohmod
Anggota Institut/Ketua Pengarah FRIM
22 AUG 2019
SELANGOR DARUL EHSAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA

Saya, **Mohd Zamshari Bin Hj. Abd Rahman**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
Diakui oleh **Mohd Zamshari bin Hj. Abd Rahman**) .....
Di **Mahkamah Selayang**)
Pada 22 AUG 2019)

Di hadapan saya

PESURUHJAYA SUMPAH
A-B 047
PALANIAMAH A/L MUNUSAMY
MAHKAMAH SESYEN
&
MAJISTRET SELAYANG
01.07.2018-30.06.2021
MALAYSIA

22/8/19

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

	NOTA	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	5	1,323,779,790	1,298,674,359	1,323,676,434	1,298,667,545
Hartanah pelaburan	6	4,146,874	4,288,170	4,146,874	4,288,170
Pelaburan dalam anak syarikat	7	-	-	3,000,000	3,000,000
Pinjaman kakitangan	8	644,609	683,544	644,609	683,544
Pelaburan jangka panjang	9	9,892,964	9,578,051	9,892,964	9,578,051
Jumlah aset bukan semasa		1,338,464,237	1,313,224,124	1,341,360,881	1,316,217,310
ASET SEMASA					
Pinjaman kakitangan	8	268,338	293,892	268,338	293,892
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	10	4,926,612	4,275,699	4,568,184	4,256,199
Penghutang anak syarikat		-	-	67,788	53,790
Inventori		5,401	-	-	-
Bayaran balik cukai pendapatan		131,201	-	131,201	-
Pelbagai pendahuluan	11	128,377	136,946	123,321	136,946
Simpanan tetap	12	79,682,623	71,280,267	79,682,623	71,280,267
Baki tunai dan bank	13	4,574,682	4,352,503	2,585,066	1,286,404
Jumlah aset semasa		89,717,234	80,339,307	87,426,521	77,307,498
JUMLAH ASET		1,428,181,471	1,393,563,431	1,428,787,402	1,393,524,808
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Geran Pembangunan	14	156,703,206	159,444,992	156,703,206	159,444,992
Akaun Amanah	15	26,234,857	25,758,519	26,234,857	25,758,519
Dana Pinjaman Kakitangan	16	9,431,886	9,431,886	9,431,886	9,431,886
Manfaat Kakitangan	18	1,535,806	895,184	1,535,806	895,184
Jumlah liabiliti bukan semasa		193,905,755	195,530,581	193,905,755	195,530,581
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai pemiutang	17	7,647,325	4,809,488	7,061,007	4,683,327
Manfaat Kakitangan	18	413,818	388,372	413,818	388,372
Cukai kena bayar		-	31,798	-	31,798
Jumlah liabiliti semasa		8,061,143	5,229,658	7,474,825	5,103,497
JUMLAH LIABILITI		201,966,898	200,760,239	201,380,580	200,634,078
ASET BERSIH		1,226,214,573	1,192,803,192	1,227,406,822	1,192,890,730
DIBIAYAI OLEH:					
Lebihan terkumpul		1,187,442,386	1,192,803,192	1,188,634,635	1,192,890,730
Rizab penilaian semula		38,772,187	-	38,772,187	-
		1,226,214,573	1,192,803,192	1,227,406,822	1,192,890,730

Nota yang disertakan di muka surat 266 hingga 276 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

		KUMPULAN		INSTITUT	
	NOTA	2018	1.10.2016 - 31 DIS 2017	2018	1.10.2016 - 31 DIS 2017
		RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN					
URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN					
Geran Mengurus Kerajaan		65,842,600	70,413,650	65,842,600	70,413,650
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	14	30,588,159	40,350,462	30,588,159	40,350,462
Denda		102,889	410,880	102,889	410,880
		96,533,648	111,174,992	96,533,648	111,174,992
URUSNIAGA PERTUKARAN					
Sumbangan dan bayaran organisasi luar		3,562,884	10,953,190	3,562,884	10,953,190
Bayaran perkhidmatan		7,446,375	8,776,315	6,043,729	8,653,815
Pelbagai jualan		664,222	995,435	654,619	994,205
Sewaan		1,244,635	1,541,343	1,244,635	1,541,343
Keuntungan/faedah atas simpanan tetap		3,133,964	3,664,964	3,133,964	3,664,964
Keuntungan atas pinjaman kakitangan		36,316	50,761	36,316	50,761
Hasil-hasil lain		1,769,377	1,819,659	1,750,381	1,819,659
		17,857,773	27,801,667	16,426,528	27,677,937
JUMLAH PENDAPATAN		114,391,421	138,976,659	112,960,176	138,852,929
PERBELANJAAN					
EMOLUMEN					
Gaji dan upahan		39,813,953	48,398,596	39,334,464	48,320,751
Elaun tetap		12,028,824	15,089,571	11,834,901	15,089,571
Sumbangan berkanun untuk kakitangan		1,916,937	2,196,768	1,853,189	2,189,923
Elaun lebih masa		610,474	700,345	609,370	700,345
Imbuhan tetap tahunan		1,680,100	932,500	1,680,100	932,500
Faedah-faedah kewangan lain		191,364	243,715	191,364	243,715
		56,241,652	67,561,495	55,503,388	67,476,805
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN					
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup kakitangan		4,123,256	5,916,259	4,060,105	5,908,979
Pengangkutan barang-barang		4,994	31,899	4,994	24,675
Perhubungan		278,453	340,327	261,413	340,327
Utiliti		2,979,546	3,716,948	2,968,063	3,716,948
Sewaan		1,136,312	2,258,185	1,113,529	2,257,485
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan		1,820,795	2,730,434	1,820,795	2,730,434
Bekalan dan bahan-bahan lain		3,676,559	5,554,750	3,517,397	5,554,040
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil		5,883,157	7,432,902	5,881,957	7,432,902
Perkhidmatan ikhtisas, perkhidmatan-perkhidmatan lain dan hospitaliti		12,383,087	16,589,514	10,907,155	16,494,643
		32,286,159	44,571,218	30,535,408	44,460,433
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN					
Pencen dan ganjaran		6,648,022	8,263,392	6,648,022	8,263,392
Cukai dan insuran		1,240,706	671,499	1,227,829	671,499
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	5	20,855,977	26,347,931	20,840,775	26,347,816
Susutnilai Hartanah Pelaburan	6	141,296	176,620	141,296	176,620
Perbelanjaan-perbelanjaan lain		1,601,621	5,650,674	1,582,760	5,634,996
		30,487,622	41,110,116	30,440,681	41,094,323
JUMLAH PERBELANJAAN		119,015,433	153,242,829	116,479,477	153,031,561
KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		(4,624,012)	(14,266,170)	(3,519,301)	(14,178,632)
Cukai pendapatan	19	(736,794)	(874,798)	(736,794)	(874,798)
KURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		(5,360,806)	(15,140,968)	(4,256,095)	(15,053,430)

Nota yang disertakan di muka surat 266 hingga 276 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KUMPULAN	Lebihan Terkumpul	Rizab Penilaian Semula	Jumlah Ekuiti
	RM	RM	RM
Nilai saksama pengambilalihan	1,207,944,160	-	1,207,944,160
Kurangan bersih bagi tempoh semasa	(15,140,968)	-	(15,140,968)
Baki pada 31 Disember 2017	1,192,803,192	-	1,192,803,192
Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan	-	38,772,187	38,772,187
Kurangan bersih bagi tahun semasa	(5,360,806)	-	(5,360,806)
Baki pada 31 Disember 2018	1,187,442,386	38,772,187	1,226,214,573

INSTITUT	Lebihan Terkumpul	Rizab Penilaian Semula	Jumlah Ekuiti
	RM	RM	RM
Nilai saksama pengambilalihan	1,207,994,160	-	1,207,944,160
Kurangan bersih bagi tempoh semasa	(15,053,430)	-	(15,053,430)
Baki pada 31 Disember 2017	1,192,890,730	-	1,192,890,730
Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan	-	38,772,187	38,772,187
Kurangan bersih bagi tahun semasa	(4,256,095)	-	(4,256,095)
Baki pada 31 Disember 2018	1,188,634,635	38,772,187	1,227,406,822

Nota yang disertakan di muka surat 266 hingga 276 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

		KUMPULAN		INSTITUT	
	NOTA	2018 RM	1.10.2016 - 31.12.2017 RM	2018 RM	1.10.2016 - 31.12.2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI					
Kurangan pendapatan sebelum cukai		(4,624,012)	(14,266,170)	(3,519,301)	(14,178,632)
Pelarasan untuk:					
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		20,855,977	26,347,931	20,840,775	26,347,816
Susutnilai Hartanah Pelaburan		141,296	176,620	141,296	176,620
Pelunasan geran kerajaan		(2,265,448)	(24,222,385)	(2,265,448)	(24,222,385)
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja		14,107,813	(11,964,004)	15,197,321	(11,876,581)
Pengurangan dalam modal kerja					
Pinjaman kakitangan		64,490	112,175	64,490	112,175
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar		(787,515)	960,232	(457,183)	979,732
Pelbagai pendahuluan		8,569	18,510	13,625	18,510
Pelbagai pemiutang, deposit dan akruan		3,503,905	647,468	3,043,748	467,517
		2,789,449	1,738,385	2,664,680	1,577,934
Bayaran cukai		(768,593)	(1,117,538)	(768,593)	(1,117,538)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		16,128,669	(11,343,157)	17,093,408	(11,416,185)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Pelaburan jangka panjang		(314,913)	(249,060)	(314,913)	(249,060)
Pelaburan dalam anak syarikat		-	-	-	(3,000,000)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(7,282,113)	(8,042,634)	(7,170,369)	(8,035,705)
Pelarasan hartanah, loji dan peralatan		92,892	1,699,175	92,892	1,699,175
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(7,504,134)	(6,592,519)	(7,392,390)	(9,585,590)
Pengurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai		8,624,535	(17,935,676)	9,701,018	(21,001,775)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		75,632,770	93,568,446	72,566,671	93,568,446
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		84,257,305	75,632,770	82,267,689	72,566,671
TERDIRI DARIPADA:					
Simpanan tetap	12	79,682,623	71,280,267	79,682,623	71,280,267
Baki tunai dan bank	13	4,574,682	4,352,503	2,585,066	1,286,404
		84,257,305	75,632,770	82,267,689	72,566,671

Nota yang disertakan di muka surat 266 hingga 276 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

PENYATA PRESTASI BAJET
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

MENGURUS	Peruntukan Asal RM	Sumber Dalaman RM	Peruntukan Dipinda RM	Perbelanjaan Sebenar RM	Perbezaan RM
Emolumen	42,547,682	-	42,547,682	42,528,468	19,214
Perkhidmatan dan Bekalan	7,154,918	2,171,000	9,325,918	9,325,580	338
Belanja Modal	-	150,000	150,000	147,915	2,085
Pemberian dan Bayaran Tetap	5,220,000	344,000	5,564,000	5,561,871	2,129
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	400,000	1,075,000	1,475,000	1,472,447	2,553
JUMLAH KESELURUHAN	55,322,600	3,740,000	59,062,600	59,036,281	26,319

Nota yang disertakan di muka surat 266 hingga 276 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT KORPORAT

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Institut) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Institut telah ditubuhkan pada 1 Oktober 2016 selaras dengan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782) menggantikan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 (Akta 319). Berdasarkan peruntukan Akta 782, semua aset dan liabiliti Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia telah ditukarkan kepada Institut.

Fungsi utama Institut adalah seperti berikut:

(a) Merancang dan melaksanakan penyelidikan bagi pembangunan sektor perhutanan dan pemuliharaan sumber hutan;
(b) Memperoleh dan menyebarkan maklumat hasil penyelidikan bagi meningkatkan pengurusan hutan dan penggunaan hasil hutan; dan
(c) Mengadakan hubungan kerjasama penyelidikan dan pembangunan perhutanan dengan badan-badan dalam dan luar negara.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Institut telah disediakan mengikut Akta 782 dan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan diselaraskan dengan penilaian semula beberapa aset tetap. Dasar-dasar penting perakaunan yang dibentangkan seperti berikut:

3.1 Asas Penyatuan

Keputusan anak syarikat disatukan mulai daripada tarikh pembelian iaitu tarikh di mana kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga tarikh tamatnya kawalan tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki antara kumpulan dan keputusan keuntungan dan kerugian belum direalisasikan akan dihapuskan semasa penyatuan. Polisi-polisi perakaunan seragam diterima pakai dalam penyata kewangan disatukan bagi semua transaksi dan peristiwa dalam keadaan yang sama. Penyata kewangan Kumpulan dan Institut telah menggabungkan jumlah aset dan tanggungan serta pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Amanah dan Pinjaman Kakitangan Institut.

3.2 Tempoh Penyata Kewangan

Tempoh berakhir Penyata Kewangan Institut adalah pada 31 Disember setiap tahun. Penyata yang disediakan adalah bagi satu tahun bermula pada 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.3 Pengiktirafan Geran dan Peruntukan

(i) Mengurus

Geran Mengurus yang diterima bagi membiayai perbelanjaan operasi adalah diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan tahun semasa.

(ii) Pembangunan

Geran Pembangunan yang diterima bagi membiayai kos projek pembangunan dan penyelidikan adalah hanya diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan tahun semasa digunakan atau untuk perbelanjaan modal bagi tempoh hayat aset yang diperolehi mengikut jumlah pindahan tahunan yang sepadan dengan caj susutnilai.

(iii) Amanah

Sumbangan dan bayaran yang diterima daripada badan-badan dalam dan luar negara termasuk sumbangan kerajaan untuk tujuan membiayai kos penyelidikan, seminar atau projek-projek tertentu adalah hanya diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut jumlah yang dibelanjakan dalam tahun ianya digunakan atau untuk perbelanjaan modal bagi tempoh hayat aset yang diperolehi mengikut jumlah pindahan tahunan yang sepadan dengan caj susutnilai.

(iv) Pinjaman Kakitangan:

(a) Pinjaman Perumahan

Geran yang diterima untuk tujuan membiayai pinjaman perumahan kepada kakitangan adalah dikreditkan ke Dana Pinjaman Kakitangan.

(b) Pinjaman Kenderaan

Geran yang diterima untuk tujuan membiayai pinjaman kenderaan kepada kakitangan adalah dikreditkan ke Dana Pinjaman Kakitangan.

(c) Pinjaman Komputer

Geran yang diterima untuk tujuan membiayai pinjaman komputer kepada kakitangan adalah dikreditkan ke Dana Pinjaman Kakitangan.

3.4 Pelaburan

Pelaburan dalam anak syarikat dan pelaburan-pelaburan lain adalah dinyatakan pada harga kos. Peruntukan rosot nilai dikenakan terhadap pelaburan yang dianggap menghadapi penurunan nilai yang tetap.

3.5 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kos Kerja Dalam Pelaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan, diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai kos apabila telah siap sepenuhnya.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.6 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian semula setelah ditolak susutnilai terkumpul. Polisi pengiktirafan dan pengukuran kerugian terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.7.

Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan. Pelunasan bagi tanah pegangan pajakan masing-masing dikira mengikut jangkamasa antara 60 hingga 99 tahun. Bagi kerja-kerja dalam pelaksanaan atau pembinaan, perbelanjaan modal dikira berdasarkan kepada peratusan penyempurnaan. Projek-projek ini tidak disusutnilaikan sehingga ianya selesai.

Bagi semua hartanah, loji dan peralatan lain, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset atau nilai penilaian semula berkenaan sepanjang hayat kegunaannya. Kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:

Bangunan	2% - 4%
Infrastruktur	4%
Kenderaan	20%
Perabot dan kelengkapan	20%
Mesin dan alat-alat	20%
Peralatan Muzium	20%

3.7 Rosotnilai aset

Nilai yang dibawa oleh aset-aset, disemak bagi tujuan rosotnilai bila ada tanda-tanda menunjukkan aset tersebut mengalami kemerosotan nilai. Rosotnilai diukur melalui membandingkan nilai yang dibawa oleh aset dengan amaun yang akan diperolehi semula. Amaun yang akan diperolehi semula adalah jumlah yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai kegunaannya, di mana diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa depan yang didiskaunkan.

Kerugian rosotnilai dikenakan di dalam penyata pendapatan serta merta, melainkan jumlah aset yang telah dibawa pada nilaian semula. Sebarang kerugian rosotnilai bagi aset yang dinilai semula dianggap sebagai penurunan penilaian semula, tetapi ianya terhad kepada lebihan penilaian semula yang diiktiraf sebelum ini untuk aset yang sama.

Peningkatan yang berikutnya di dalam amaun yang akan diperolehi semula dianggap sebagai penolakan daripada kerugian rosotnilai yang sebelum ini sehingga amaun dibawa bagi aset tersebut ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan serta merta, melainkan aset yang dinyatakan pada nilaian semula. Penolakan daripada kerugian rosotnilai atas aset yang dinilai semula dikredit secara terus kepada lebihan penilaian semula. Walau bagaimanapun, ianya terhad kepada kerugian rosotnilai bagi aset yang dinilai semula yang diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, penolakan daripada kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan.

Bagi tahun semasa, nilai aset-aset Institut adalah pada nilai buku dan tiada tanda-tanda menunjukkan aset-aset tersebut mengalami rosot nilai.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.8 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang di bawah pajakan untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk menambahkan nilai modal atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian terjejas. Nilai saksama pengambilalihan hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai wajar, yang telah ditentukan berdasarkan penilaian pada tarikh pengambilalihan oleh penilai bertauliah bebas. Hartanah pelaburan bagi bangunan disusutnilaikan pada kadar 2% - 4% mengikut kaedah garis lurus.

3.9 Pelbagai Penghutang

Pelbagai penghutang dinyatakan berdasarkan jumlah yang diinbois atau yang dibuktikan sepatutnya diterima setelah ditolak jumlah yang tidak boleh dikutip. Anggaran untuk peruntukan hutang ragu dan hapuskira seperti yang dinyatakan di Nota 3.10.

3.10 Peruntukan Hutang Ragu dan Hapus Kira

Peruntukan Hutang Ragu diperuntukkan ke atas baki akhir penghutang perniagaan dan lain-lain akaun belum terima yang dianggarkan tidak boleh didapatkan selepas tempoh yang sepatutnya. Tiada peruntukan hutang ragu bagi tahun semasa dan tiada hutang lapuk dihapus kira.

3.11 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai seperti dicatat dalam penyata aliran tunai adalah terdiri daripada baki tunai dan bank serta simpanan tetap.

3.12 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan daripada hasil jualan dan perkhidmatan serta hasil-hasil lain diiktiraf berasaskan akruan.

3.13 Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut.

(ii) Manfaat Jangka Panjang

a. Gantian Cuti Rehat

Peruntukan Gantian Cuti Rehat adalah berdasarkan jumlah cuti rehat yang disimpan dalam tempoh kewangan semasa oleh kakitangan Institut berstatus tetap. Pemberian ganjaran wang tunai gantian cuti rehat adalah berdasarkan 1/30 daripada gaji akhir diterima, tertakluk maksimum 150 hari.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.13 Manfaat Kakitangan (Sambungan)

b. Caruman Tetap

Pihak Institut telah membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 13% daripada gaji dan elaun untuk kakitangannya yang telah memilih Skim KWSP. Institut juga telah memperuntukkan 17.5% daripada gaji pokok kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen kepada kakitangannya yang telah memilih Skim Pencen. Caruman-caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan seperti ditanggung dan setelah caruman dibayar pihak Institut tidak menanggung apa-apa obligasi bayaran lagi. Faedah kewangan kepada pesara tidak diperuntukkan dan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila tuntutan dibuat.

c. Peruntukan Ganjaran Tamat Kontrak

Ganjaran Tamat Kontrak merupakan faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada pegawai yang telah menamatkan kontrak perkhidmatan.

3.14 Penyelidikan dan Pembangunan

Semua kos berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan tidak dipermodalkan dan dianggap perbelanjaan bagi tahun yang berkaitan kecuali Institut menjangkakan kos tersebut akan menjana pendapatan dimasa akan datang.

3.15 Peruntukan Cukai

Pengecualian cukai berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001. Mulai tahun taksiran 2002 pengecualian cukai pendapatan akan diberi secara "blanket" melalui satu perintah pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan-pendapatan berikut:

(a) Geran Kerajaan;
(b) Yuran untuk perbelanjaan operasi; dan
(c) Sumbangan dan derma yang diterima.

4. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif Pengurusan Risiko Kewangan Kumpulan dan Institut adalah bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar. Kumpulan dan Institut telah membiayai operasinya dengan dana geran Kerajaan, sumbangan agensi luar serta dana dalaman dan tidak mempunyai pinjaman. Oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank. Kumpulan dan Institut tidak melabur di dalam saham disebutharga dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran. Kumpulan dan Institut juga tidak terdedah kepada risiko mata wang asing yang serius memandangkan tiada urus niaga yang ketara menggunakan mata wang asing.

(i) Risiko Mudah Tunai

Pihak Institut mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(ii) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai bersamaan tunai, pelbagai penghutang, deposit dan prabayar dan lain-lain pemiutang, pelbagai pemiutang, deposit dan akruan menunjukkan nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang berjangka pendek.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN	Tanah	Bangunan	Infrastruktur	Kenderaan	Perabot dan Kelengkapan	Mesin dan Alat-alat	Peralatan Muzium	Kerja-kerja dalam pelaksanaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos									
Pada 1 Januari 2018	1,198,861,582	93,839,828	16,581,560	1,814,095	3,552,520	10,261,098	12,817	98,790	1,325,022,290
Penambahan	-	-	647,815	392,861	839,469	1,782,334	-	3,619,634	7,282,113
Pelarasan dan pelupusan	38,772,187	(5,000)	67,028	(2)	(9,387)	(83,543)	-	(98,790)	38,642,493
Pada 31 Disember 2018	1,237,633,769	93,834,828	17,296,403	2,206,954	4,382,602	11,959,889	12,817	3,619,634	1,370,946,896
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2018	16,618,189	3,193,737	620,419	482,923	1,503,380	3,924,234	5,049	-	26,347,931
Susutnilai dikenakan	13,686,190	2,556,460	525,593	441,380	996,990	2,647,364	2,000	-	20,855,977
Pelarasan dan pelupusan	-	(250)	3,351	-	(5,690)	(34,213)	-	-	(36,802)
Pada 31 Disember 2018	30,304,379	5,749,947	1,149,363	924,303	2,494,680	6,537,385	7,049	-	47,167,106
Nilai Bawaan									
Pada 31 Disember 2018	1,207,329,390	88,084,881	16,147,040	1,282,651	1,887,922	5,422,504	5,768	3,619,634	1,323,779,790
Pada 31 Disember 2017	1,182,243,393	90,646,091	15,961,141	1,331,172	2,049,140	6,336,864	7,768	98,790	1,298,674,359

INSTITUT	Tanah	Bangunan	Infrastruktur	Kenderaan	Perabot dan Kelengkapan	Mesin dan Alat-alat	Peralatan Muzium	Kerja-kerja dalam pelaksanaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos									
Pada 1 Januari 2018	1,198,861,582	93,839,828	16,581,560	1,814,095	3,545,591	10,261,098	12,817	98,790	1,325,015,361
Penambahan	-	-	647,815	392,861	727,725	1,782,334	-	3,619,634	7,170,369
Pelarasan dan pelupusan	38,772,187	(5,000)	67,028	(2)	(9,387)	(83,543)	-	(98,790)	38,642,493
Pada 31 Disember 2018	1,237,633,769	93,834,828	17,296,403	2,206,954	4,263,929	11,959,889	12,817	3,619,634	1,370,828,223
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2018	16,618,189	3,193,737	620,419	482,923	1,503,265	3,924,234	5,049	-	26,347,816
Susutnilai dikenakan	13,686,190	2,556,460	525,593	441,380	981,788	2,647,364	2,000	-	20,840,775
Pelarasan dan pelupusan	-	(250)	3,351	-	(5,690)	(34,213)	-	-	(36,802)
Pada 31 Disember 2018	30,304,379	5,749,947	1,149,363	924,303	2,479,363	6,537,385	7,049	-	47,151,789
Nilai Bawaan									
Pada 31 Disember 2018	1,207,329,390	88,084,881	16,147,040	1,282,651	1,784,566	5,422,504	5,768	3,619,634	1,323,676,434
Pada 31 Disember 2017	1,182,243,393	90,646,091	15,961,141	1,331,172	2,042,326	6,336,864	7,768	98,790	1,298,667,545

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

6. HARTANAH PELABURAN	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Bangunan				
Baki Awal / Nilai saksama pengambilalihan	4,288,170	4,464,790	4,288,170	4,464,790
Susutnilai semasa	(141,296)	(176,620)	(141,296)	(176,620)
Nilai buku	4,146,874	4,288,170	4,146,874	4,288,170

Nilai saksama pengambilalihan hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai wajar, yang telah ditentukan berdasarkan penilaian pada tarikh pengambilalihan oleh penilai bertauliah bebas. Hartanah pelaburan bagi bangunan disusutnilaikan pada kadar 2% - 4% mengikut kaedah garis lurus.

7. PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Pelaburan dalam FRIM Incorporated Sdn. Bhd.	3,000,000	3,000,000

Institut mempunyai pegangan tunggal (100%) ke atas FRIM Incorporated Sdn. Bhd. berkuatkuasa pada tarikh penubuhan syarikat iaitu pada 4 Ogos 2017. Aktiviti utama FRIM Incorporated Sdn. Bhd. adalah di dalam bidang perkhidmatan perundingan berkaitan perhutanan, pengkomersialan hasil penyelidikan dan penjualan produk.

8. PINJAMAN KAKITANGAN	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	644,609	683,544	644,609	683,544
Pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	268,338	293,892	268,338	293,892
	912,947	977,436	912,947	977,436
a. Pinjaman Perumahan				
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	180,463	279,844	180,463	279,844
Pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	99,381	99,284	99,381	99,284
	279,844	379,128	279,844	379,128
b. Pinjaman Kenderaan				
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	453,837	389,892	453,837	389,893
Pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	162,092	188,984	162,092	188,984
	615,929	578,876	615,929	578,876
c. Pinjaman Komputer				
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	10,309	13,808	10,309	13,808
Pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	6,865	5,624	6,865	5,624
	17,174	19,432	17,174	19,432
	912,947	977,436	912,947	977,436

Institut menawarkan tiga jenis kemudahan pinjaman kepada kakitangannya dengan kadar keuntungan sebanyak 4% setahun ke atas baki pokok bulanan

9. PELABURAN JANGKA PANJANG	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Amanah Raya Berhad	7,808,787	7,566 187	7,808,787	7,566,187
Affin Hwang Asset Management Berhad	2,084,177	2,011,864	2,084,177	2,011,864
	9,892,964	9,578,051	9,892,964	9,578,051

Kadar dividen kasar boleh terima oleh Institut ialah diantara 4% hingga 5% setahun dan tempoh matang pelaburan ialah tiga tahun.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

10. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Pelbagai penghutang perniagaan	2,088,624	1,997,159	1,730,196	1,977,659
Peruntukan hutang ragu	(22,400)	(24,050)	(22,400)	(24,050)
Cukai barang dan perkhidmatan boleh dituntut	2,195,864	1,784,731	2,195,864	1,784,731
Faedah terakru (simpanan tetap)	541,250	426,945	541,250	426,945
Pelbagai penerimaan lain	123,274	90,914	123,274	90,914
	4,926,612	4,275,699	4,568,184	4,256,199

11. PELBAGAI PENDAHULUAN	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Pendahuluan diri kakitangan	102,861	115,361	102,861	115,361
Deposit dibayar	25,516	21,585	20,460	21,585
	128,377	136,946	123,321	136,946

12. SIMPANAN TETAP	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Simpanan dengan bank berlesen	54,927,499	50,245,800	54,927,499	50,245,800
Simpanan dengan institusi kewangan yang diluluskan	24,755,124	21,034,467	24,755,124	21,034,467
	79,682,623	71,280,267	79,682,623	71,280,267

Kadar keuntungan yang diterima bagi simpanan tetap bagi tempoh berakhir 31 Disember 2018 adalah diantara 2.8% sehingga 4.18% setahun bagi tempoh diantara satu bulan sehingga setahun.

13. BAKI TUNAI DAN BANK	KUMPULAN 2018 RM	KUMPULAN 2017 RM	INSTITUT 2018 RM	INSTITUT 2017 RM
Baki di Bank	4,545,682	4,324,803	2,556,066	1,258,704
Baki Tunai	29,000	27,700	29,000	27,700
	4,574,682	4,352,503	2,585,066	1,286,404

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

14. GERAN PEMBANGUNAN

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki Awal	159,444,992	-	159,444,992	-
Nilai Saksama Pengambilalihan	-	165,695,238	-	165,695,238
Terimaan:				
Terimaan daripada RMKe11 KATS	23,374,000	28,044,000	23,374,000	28,044,000
Lain-lain terimaan	4,472,373	6,056,216	4,472,373	6,056,216
	27,846,373	34,100,216	27,846,373	34,100,216
Pelunasan:				
Pelunasan bagi geran daripada RMKe11 KATS	19,762,586	22,161,171	19,762,586	22,161,171
Lain-lain Pelunasan	10,825,573	18,189,291	10,825,573	18,189,291
	30,588,159	40,350,462	30,588,159	40,350,462
Baki Akhir	156,703,206	159,444,992	156,703,206	159,444,992

Lain-lain terimaan adalah terdiri daripada penerimaan geran daripada pelbagai Kementerian selain RMKe11 KATS.

15. AKAUN AMANAH

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki Awal	25,758,519	-	25,758,519	-
Nilai Saksama Pengambilalihan	-	29,796,108	-	29,796,108
Terimaan	4,690,338	7,346,887	4,690,338	7,346,887
Pelunasan	(4,214,000)	(11,384,476)	(4,214,000)	(11,384,476)
Baki Akhir	26,234,857	25,758,519	26,234,857	25,758,519

16. DANA PINJAMAN KAKITANGAN

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Dana pinjaman perumahan:				
Baki pinjaman perumahan belum terima	279,844	379,128	279,844	379,128
Pinjaman belum digunakan	3,852,042	3,752,758	3,852,042	3,752,758
	4,131,886	4,131,886	4,131,886	4,131,886
Dana pinjaman kenderaan:				
Baki pinjaman kenderaan belum terima	615,929	578,876	615,929	578,876
Pinjaman belum digunakan	4,184,071	4,221,124	4,184,071	4,221,124
	4,800,000	4,800,000	4,800,000	4,800,000
Dana pinjaman komputer:				
Baki pinjaman komputer belum terima	17,174	19,432	17,174	19,432
Pinjaman belum digunakan	482,826	480,568	482,826	480,568
	500,000	500,000	500,000	500,000
JUMLAH	9,431,886	9,431,886	9,431,886	9,431,886

17. PELBAGAI PEMIUTANG

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pemiutang dan akruan	6,641,868	4,445,355	6,055,550	4,499,194
Deposit diterima	1,005,457	364,133	1,005,457	364,133
	7,647,325	4,809,488	7,061,007	4,863,327

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

18. MANFAAT KAKITANGAN

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018	2017	2018	2017
	RM	RM	RM	RM
a. Peruntukan Gantian Cuti Rehat				
Baki Awal	937,849	-	937,849	-
Peruntukan	709,408	937,849	709,408	937,849
Pembayaran	(637,257)	(461,659)	(637,257)	(461,659)
Pelarasan	588,307	461,659	588,307	461,659
Baki Akhir	1,598,307	937,849	1,598,307	937,849
Ganjaran yang perlu dibayar selepas 12 bulan	1,535,806	895,184	1,535,806	895,184
Ganjaran yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	62,501	42,665	62,501	42,665
	1,598,307	937,849	1,598,307	1,598,307
b. Peruntukan Ganjaran Tamat Kontrak				
Baki Awal	345,707	202,215	345,707	202,215
Peruntukan	359,403	426,951	359,403	426,951
Pembayaran	(262,322)	(224,390)	(262,322)	(224,390)
Pelarasan	(91,472)	(59,069)	(91,472)	(59,069)
Baki Akhir	351,317	345,707	351,317	345,707
Ganjaran yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	351,317	345,707	351,317	345,707
JUMLAH	1,949,624	1,283,556	1,949,624	1,283,556

19. CUKAI PENDAPATAN

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018	2017	2018	2017
	RM	RM		RM
Cukai Pendapatan	736,794	874,798	736,794	874,798
Kurangan pendapatan sebelum cukai	(4,624,012)	(14,266,170)	(3,519,301)	(14,178,632)
Cukai pada kadar berkanun 24%	(1,109,763)	(3,423,881)	(844,632)	(3,402,872)
Perbelanjaan tidak dibenarkan cukai	2,134,189	2,533,790	2,134,189	2,533,790
Elaun modal diserap	(1,273,332)	(1,234,566)	(1,273,332)	(1,234,566)
Pendapatan tidak dikenakan cukai	855,816	2,978,446	855,816	2,978,446
Terkurang peruntukan cukai tahun sebelumnya	(135,247)	-	(135,247)	-
Cukai tertunda tidak dinyatakan dalam penyata kewangan	265,131	21,009	-	-
Cukai tahun semasa	736,794	874,798	736,794	874,798

20. PENGLIBATAN MODAL

Penglibatan modal bagi kontrak-kontrak dalam pelaksanaan yang tidak diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM1,396,252 (31 Disember 2017: RM75,710).

21. BILANGAN KAKITANGAN

Bilangan kakitangan tetap (tidak termasuk Anggota Institut) pada 31 Disember 2018 adalah seramai 647 orang (31 Disember 2017: 654 orang).

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

22. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan Kumpulan jika Kumpulan mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal parti atau menjalankan pengaruh penting terhadap parti dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya.

(a) Urusniaga Pihak Berkaitan

FRIM Incorporated Sdn Bhd

	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018	2017	2018	2017
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan perkhidmatan	18,200	-	18,200	-
Sewaan	12,000	-	12,000	-
	30,200	-	30,200	-

(b) Ganjaran Kepada Ahli Lembaga Pengarah	KUMPULAN		INSTITUT	
	2018	2017	2018	2017
	RM	RM	RM	RM
Elaun Anggota Institut	283,732	496,490	283,732	496,490
Elaun Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat	55,500	29,131	-	-
	339,232	525,621	283,732	496,490

Elaun Pengerusi dan Ahli Anggota Institut adalah masing-masing sebanyak RM6,116 dan RM1,834 sebulan serta sebanyak RM500 dan RM300 bagi elaun kehadiran Mesyuarat.

23. ANGKA PERBANDINGAN

Maklumat dalam penyata kewangan tidak boleh dibandingkan kesan daripada perbezaan tempoh semasa berakhir 31 Disember 2018 dengan tempoh sebelum berakhir 31 Disember 2017 iaitu 12 bulan bagi tempoh semasa berbanding 15 bulan bagi tempoh sebelum.

24. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 9 Ogos 2019 dan telah dipersetujui oleh semua Anggota Institut.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 52109 Kepong, Selangor
www.frim.gov.my